

**STRATEGI KOMUNIKASI DALAM PEMBELAJARAN SAINS DI
SEKOLAH RENDAH TAMIL**

PUSHPARANI A/P MARIAPPAN

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**STRATEGI KOMUNIKASI DALAM PEMBELAJARAN SAINS
DI SEKOLAH RENDAH TAMIL**

PUSHPARANI A/P MARIAPPAN

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA PENGAJIAN LINGUISTIK**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

PENGHARGAAN

Bersyukur saya kepada Tuhan atas limpah kurniaNya, saya berjaya menyempurnakan kajian saya ini dengan sempurna. Saya ingin merakam jutaan terima kasih dan rasa terhutang budi kepada ahli keluarga saya, terutama ibu saya, Puan Mariayee Muthu Veeran. Sokongan dan kata-kata motivasi yang telah diberikan oleh beliau amat merangsang saya untuk menyiapkan kajian saya ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Yogesraj @ Kuttima, anak buah saya atas kesudian beliau dalam membantu kerja-kerja menaip dan mencari maklumat di Internet. Tidak lupa juga kepada ahli keluargaku yang lain, adikku Balamurugan dan kakakku Muthu Ponnu .

Selain itu saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Perumal, Guru besar SJKT Seafield, Subang Jaya, Selangor yang telah membenarkan saya untuk melakukan kajian lapangan saya di sekolah tersebut. Ribuan terima kasih juga diutarakan kepada murid-murid tahun enam dan guru-guru Sains sekolah tersebut. Tanpa kerjasama daripada mereka mungkin saya tidak dapat menjalankan kajian saya ini. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua warga SJKT Seafield yang memberi bantuan secara langsung dan tidak langsung .

Akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada staf-staf Fakulti Bahasa dan Linguistik. Tidak lupa juga penyelia saya yang saya hormati, Dr. Krishnan Ramasamy dan Dr. Supramani Shoniah atas kesudian beliau meluangkan masa keemasannya untuk memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya selama tempoh kajian saya.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Penyelidikan ini memberi tumpuan kepada strategi komunikasi yang digunakan oleh murid-murid sekolah rendah semasa pembelajaran Sains dalam Bahasa Inggeris di Sekolah Tamil, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi-strategi komunikasi yang digunakan oleh murid-murid, untuk mengetahui fungsi sesuatu strategi itu digunakan dan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi sesuatu strategi komunikasi digunakan semasa pembelajaran Sains dalam Bahasa Inggeris. Pengkaji telah memilih 70 orang murid tahun enam sebagai sampel kajian. 25 orang daripada sampel terdiri daripada murid perempuan dan 45 orang adalah murid lelaki. Kaedah kualitatif telah digunakan oleh pengkaji untuk membuat penganalisan data. Bagi pengumpulan data instrumen seperti pemerhatian, rakaman video, rakam audio dan soal selidik telah digunakan. Hasil rakaman telah ditranskripsikan untuk membuat analisis terhadap strategi-strategi yang digunakan, faktor-faktor yang menggalakkan sesuatu strategi digunakan dan kesan-kesan sesuatu strategi digunakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelbagai strategi telah dipilih oleh murid-murid semasa pembelajaran sains dalam bahasa Inggeris. Kesan-kesan dan faktor-faktor pemilihan sesuatu strategi juga dapat dikesan. Maka murid-murid haruslah didedahkan dengan pelbagai strategi komunikasi bagi melancarkan komunikasi semasa mempelajari sesuatu mata pelajaran dalam Bahasa Kedua .

ABSTRACT

This thesis concerns aspects of communication strategies as used by students in Tamil schools, especially in one of SJKT in Subang Jaya during science lesson. The objective of this research is to observe how the said students use communication strategies to convey their messages orally though they lack the linguistic tools in the target language. The function of strategies and factor that influence the execution of this communication strategies is also defined. The researcher selected 70 students for the present study. Out of 70 students 25 are girls and 45 are boys. Audio recordings of their speech performances were made so that the natural speech of the sample can be preserved for scrutiny and analysis. Qualitative methods were used by the researcher. The audio recordings were later transcribed so as to analyse the use of communication strategies such as literal translation, approximation, repetition, description, word coinage, appeals and other non linguistic strategies. Apart from a description with regards to the nature of their communication strategies, this study also identified a new communication strategy. The study clearly indicates that communication strategies should be encouraged among students in view of the fact that communication strategies can be used to overcome communicative difficulties.

KANDUNGAN

Muka Surat

Perakuan Keaslian Penulisan

Abstrak	i
Abstract	ii
Penghargaan	iii
Kandungan	iv
Senarai Jadual	viii

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	3
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Soalan-Soalan Kajian	5
1.6	Batasan kajian	6
1.7	Kepentingan Kajian	7
1.8	Definisi Istilah	7
	1.8.1 Strategi Komunikasi	7
	1.8.2 Masyarakat Dwibahasa (Bilingual)	9
	1.8.3 Masyarakat Pelbagai Bahasa (Multilingual/Polilingual)	10
1.9	Kesimpulan	11

BAB 2 : KAJIAN PERPUSTAKAAN

2.1	Pengenalan	12
2.2	Strategi Komunikasi	12

2.2.1	Strategi Komunikasi Dan Ciri-Ciri Pendefinisian	15
2.2.1.1	Strategi Komunikasi Yang Berlandaskan Masalah	16
2.2.1.2	Strategi Komunikasi Dan Kesedaran	18
2.2.2	Isu-Isu Kontrovansi Tentang Strategi Komunikasi	19
2.2.2.1	Strategi Dan Proses	19
2.2.2.2	Strategi Dan Kesalahan	21
2.2.2.3	Strategi Pembelajaran dan Strategi Komunikasi	23
2.3	Pengklasifikasian dan Taksonomi Strategi Komunikasi	25
2.3.1	Strategi Pencapaian	27
2.3.1.1	Strategi Jenis Linguistik	27
2.3.1.1.1	Strategi Penghampiran	28
2.3.1.1.2	Strategi Pengulangan	28
2.3.1.1.3	Strategi Mencipta Perkataan Baru	29
2.3.1.1.4	Strategi Deskripsi	29
2.3.1.1.5	Strategi Terjemahan Terus	31
2.3.1.1.6	Strategi Pertukaran Kod Bahasa	31
2.3.1.2	Strategi Rayuan Kerjasama	32
2.3.1.3	Strategi Bukan Linguistik	33
2.3.2	Strategi Pengelakan	33
2.4	Kajian Luar Negara	34
2.5	Kajian Dalam Negara	39
2.6	Kesimpulan	49

BAB 3 : METHODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	50
3.2	Reka Bentuk Kajian	50
3.3	Lokasi	52
3.4	Sampel Kajian	34
3.5	Instrumen Penyelidikan	54
3.5.1	Arahan Melakukan Tugas	54
3.5.2	Aktiviti Soal Selidik	54
3.5.3	Temu Bual	55

3.6	Pengumpulan Data	55
3.6.1	Tugas Lisan Berpanduan	56
3.6.2	Tugas Lisan Separuh Berpandu	57
3.6.3	Tugas Perbualan Berpandu	57
3.7	Rakaman audio video	58
3.8	Transkripsi Data	60
3.9	Kriteria Mengenal Strategi Komunikasi	61
3.10	Pengumpulan data melalui soal selidik	62
3.11	Temu bual	63
3.12	Penganalisan Data	64
3.13	Kesimpulan	64

BAB 4 : PENGANALISISAN DATA

4.1	Pengenalan	65
4.2	Jenis-Jenis Strategi komunikasi	65
4.2.1	Strategi Pengulangan	67
4.2.2	Strategi Penghampiran	70
4.2.3	Strategi Rayuan kerjasama	74
4.2.3.1	Strategi Rayuan kerjasama secara langsung	74
4.2.3.2	Strategi Rayuan Secara Tidak Langsung	76
4.2.4	Strategi Bukan linguistik	78
4.2.4.1	Strategi bukan linguistik Yang Menyertai Pengujaran	79
4.2.4.2	Strategi bukan linguistik yang menggantikan pengujaran	80
4.2.5	Strategi Penciptaan Perkataan Baru	81
4.2.6	Strategi Terjemahan Literal	83
4.2.7	Strategi Pengelakan	83
4.3	Fungsi Penggunaan Sesuatu Strategi komunikasi	87
4.3.1	Penekanan Kepada Perkara Penting	87
4.3.2	Kejayaan Dalam Menyampaikan Mesej	89
4.3.3	Dapat Melaksanakan Tanggungjawab	90
4.4	Faktor- Faktor Penggunaan Strategi Komunikasi	92
4.4.1	Sikap Bermotivasi	92

4.4.2	Kekurangan Kosa Kata	93
4.4.3	Paksaan Ekstrinsik	96
4.4.4	Kebiasaan	98
4.4.5	Topik Pengajaran yang Sukar	101
4.4.6	Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris Yang Rendah	102
4.5	Kesimpulan	103

BAB 5 : DAPATAN DAN PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	104
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	104
5.2.1	Strategi-Strategi Yang Paling Kerap Ditemui	105
5.2.2	Fungsi-Fungsi Penggunaan Strategi komunikasi	106
5.2.3	Faktor-faktor Penggunaan Strategi komunikasi	108
5.3	Cadangan Masa Depan	112
5.4	Kesimpulan	113
	Rujukan	114
	Lampiran A	123
	Lampiran B	128
	Lampiran C	146
	Lampiran D	147

SENARAI JADUAL

MUKA SURAT

3.1 Rakaman Sesi Pengajaran Dan Pembelajaran Sains	51
3.2 Simbol-Simbol Traksripsi	61
3.3 Kriteria Untuk Mengenal pasti Strategi Komunikasi	62
4.1 Jenis-Jenis Strategi Komunikasi Dan Kekerapan Penggunaannya	66
4.2 Tujuan Pengulangan	89
4.3 Bahan bacaan bahasa yang suka dibaca	95
4.4 Kekerapan Menggunakan Bahasa Inggeris	95
4.5 Penggunaan Bahasa campuran yang digunakan semasa berbual dengan ahli keluarga dan rakan-rakan	100
4.6 Gred bahasa Inggeris yang diperolehi	102

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penyelidik membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah kajian dan kesimpulan.a

1.2 Latar Belakang Kajian

Sejak kebelakangan ini, ramai cendekiawan berpendapat tahap pencapaian bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar-pelajar mula merosot. Keadaan ini dikatakan berterusan disebabkan wujudnya beberapa masalah dalam pemerolehan bahasa tersebut (Aminah Mahmud, 1996). Sebagai langkah mengatasi masalah ini kerajaan Malaysia telah menyarankan pengajaran mata pelajaran sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris pada tahun 2003. Perlaksanaan dasar ini dilakukan secara berperingkat di semua sekolah di Malaysia. Menurut Musa Mohamad (2002), perlaksanaan dasar ini adalah bertujuan untuk meningkatkan ilmu bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar. Tambahan pula kerajaan pula menyedari pembelajaran subjek Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris adalah penting dalam menghadapi era globalisasi dan teknologi maklumat. Oleh yang demikian, sejarah polisi pendidikan negara perlu disingkap semula iaitu bermula dari zaman penjajahan British hingga ke hari ini. Pendidikan Sains terawal yang dikesan di sekolah Tanah Melayu bermula pada tahun 1931. Pendidikan Sains terawal ini melibatkan Kurikulum Sains Asas di negeri-negeri Melayu Bersekutu sahaja. Meletusnya perang dunia kedua pada tahun 1941 menyebabkan terhenti pelaksanaan program Sains di negeri-negeri Melayu Bersekutu. Kurikulum Sains Am

telah mengganti kurikulum Sains Asas. Kurikulum Sains Asas mula dilaksanakan sebaik sahaja tamatnya perang dunia kedua. Kurikulum yang diperkenalkan pada tahun 1945 ini bercorak kurikulum England. Kurikulum di Tanah Melayu diseragamkan selepas pelaksanaan Penyata Razak pada tahun 1956. Semua pelajar dikehendaki belajar Sains bermula dari sekolah rendah hingga ke peringkat sekolah menengah atas.

Dalam era 90-an, perkembangan dan pembangunan sistem pendidikan telah menjadi lebih mantap dengan kehadiran dasar-dasar baru. Dasar-dasar baru ini diperkenalkan berteraskan usul-usul dari Laporan Kabinet (1979) dan Laporan Rahman Talib (1960). Kepesatan pembangunan sistem pendidikan ditambah dengan hasrat bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir bin Mohamad telah membawa banyak pembaharuan dalam sistem pendidikan khususnya dalam mata pelajaran Sains (Ahmad Fauzi, 1997)

Pada tahun 2003 dasar baru diperkenalkan, di mana mata pelajaran Sains dan Matematik mula diajar dalam bahasa Inggeris. Dasar ini diberi tanda nama Pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Kerajaan Malaysia mengambil langkah ini kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa dunia dan rakyat Malaysia akan berpeluang untuk mendapat pekerjaan yang baik di masa akan datang jika menguasai mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris .

Menurut Profesor Emeritus Dato' Isahak Haron & rakan-rakan (2008) dalam kajian mengenai kesan dasar pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris di sekolah rendah, dasar baru ini telah menyukarkan murid-murid di semua jenis sekolah rendah termasuk sekolah Tamil mempelajari mata pelajaran sains. Ini disebabkan gaya hidup mereka yang menggunakan bahasa ibunda secara berleluasa. Tambahan pula

menurut Tengku Razaleigh (2004), banyak kajian telah dijalankan oleh pelbagai pihak berkaitan dasar ini, hasilnya didapati banyak masalah berbangkit daripada dasar ini. Kajian-kajian yang dilakukan juga menjelaskan bahawa kegagalan pembelajaran dalam bahasa Inggeris adalah disebabkan murid-murid tidak menguasai bahasa Inggeris sepenuhnya. Murid-murid yang tidak fasih dalam bahasa Inggeris mula menggunakan pelbagai strategi komunikasi semasa pembelajaran mata pelajaran Sains.

1.3 Pernyataan Masalah

Umumnya masyarakat Tamil memiliki bahasa sendiri sebagai lambang identiti dan sekaligus membezakan masyarakat India dengan masyarakat bangsa lain yang ada di Malaysia. Bahasa Tamil bersifat formal (Murasu Nedumaran, 1997). Biasanya digunakan ketika berkomunikasi di sekolah, di rumah dan situasi formal. Murid-murid India menggunakan bahasa Inggeris ketika mata pelajaran bahasa Inggeris di sekolah, dalam situasi formal dan ketika berhubung dengan masyarakat yang bahasa ibundanya Bahasa Inggeris.

Permasalahan yang jelas ialah kelemahan murid-murid tamil dalam menguasai bahasa Inggeris khususnya dalam bentuk lisan dan memerlukan usaha-usaha membaik pulih secara berterusan. Hal ini demikian kerana murid-murid tamil menggunakan elemen-elemen bahasa Tamil melalui penggunaan strategi komunikasi ketika berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Ini dijelaskan oleh Faerch & Kasper (1983:36). Menurut mereka strategi komunikasi adalah satu kaedah atau perancangan yang dilakukan secara sedar oleh seseorang individu untuk menyelesaikan masalah komunikasi bagi mencapai tujuan komunikasi. Tambahan pula murid-murid ini tidak dapat lari daripada masalah pertuturan menggunakan bahasa Inggeris untuk menyampaikan sesuatu maksud mesej

semasa berkomunikasi. Gejala ini secara tidak langsung menjejaskan pencapaian murid-murid dalam mata pelajaran sains dalam bahasa Inggeris. Hakikat ini sememangnya mencetuskan kebimbangan daripada pelbagai pihak terutama ibu bapa, guru dan murid-murid bahasa kedua itu sendiri.

Permasalahan seterusnya ialah kekangan yang dihadapi oleh penutur bahasa Tamil ketika berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Hal ini turut diperakui oleh Zainal Abidin Bakar (1900:1) yang mengatakan bahawa terdapat semacam kesukaran untuk menuturkan lafaz baku dengan sempurna. Melalui kenyataan tersebut, dapat dirumuskan bahawa bahasa ibunda telah menjadi kendala bagi menuturkan lafaz baku dengan sempurna. Seterusnya penutur bahasa Tamil juga sukar untuk lari daripada memasukkan elemen-elemen bahasa Tamil semasa berkomunikasi dalam situasi yang formal. Pendedahan dan pembelajaran bahasa Inggeris sejak di sekolah rendah tidak banyak membantu menghapuskan pengaruh bahasa ibunda mereka, lebih-lebih lagi bagi penutur-penutur Tamil yang tinggal di kawasan yang majoriti daripada penduduknya yang bertutur bahasa Tamil. (Sumber Laman Web : www.indianmalaysia.com)

Kajian ini akan mengkaji strategi-strategi yang digunakan untuk mengatasi masalah yang menjadi penghalang dalam usaha menyampaikan sesuatu maksud menggunakan bahasa Inggeris semasa pembelajaran sains dalam bahasa Inggeris.. Pengkaji berpendapat bahawa, permasalahan ini mempunyai kaitan dengan masalah yang dihadapi oleh ramai murid Bahasa Kedua dalam konteks berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris untuk tujuan lisan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji strategi komunikasi yang digunakan oleh murid-murid Tamil tahun 6 yang berumur 12 tahun semasa pembelajaran sains dalam bahasa Inggeris di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Objektif kajian adalah seperti berikut:

1.4.1 Untuk mengenal pasti strategi-strategi komunikasi yang digunakan oleh murid-murid tamil tahun 6 semasa pembelajaran sains dalam bahasa Inggeris.

1.4.2 Untuk mengetahui fungsi penggunaan sesuatu strategi semasa pembelajaran sains dalam bahasa Inggeris oleh murid-murid tamil tahun 6.

1.4.3 Untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan penggunaan pelbagai strategi komunikasi semasa pembelajaran sains dalam bahasa Inggeris oleh murid-murid tamil tahun 6.

1.5 Soalan-Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan di atas berikut adalah soalan yang telah ditimbulkan untuk kajian ini

1.5.1 Apakah jenis-jenis strategi komunikasi yang digunakan oleh murid-murid Tamil tahun 6 semasa mempelajari mata pelajaran sains?

1.5.2 Apakah fungsi strategi komunikasi tersebut semasa pembelajaran sains dalam bahasa Inggeris oleh murid-murid tamil tahun 6.

1.5.3 Apakah faktor-faktor yang menyebabkan penggunaan strategi komunikasi semasa pembelajaran mata pelajaran sains dalam bahasa Inggeris oleh murid-murid tamil tahun 6.

1.6 Batasan Kajian

Kajian akan menggunakan data yang dikumpulkan daripada sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Subang Jaya, yang terletak di kawasan bandar. Kajian ini hanya bertujuan untuk melihat strategi komunikasi yang digunakan oleh murid-murid sewaktu pembelajaran mata pelajaran sains dalam bahasa Inggeris sahaja. Dalam kajian ini pengkaji akan memfokuskan strategi komunikasi yang digunakan dalam kalangan murid-murid semasa membuat kerja kumpulan, pembentangan, dan soal jawab sewaktu pembelajaran mata pelajaran sains dalam bahasa Inggeris dalam kelas. Strategi komunikasi yang digunakan di luar kelas tidak diberi tumpuan.

Hanya ujaran sahaja akan dilihat. Kajian ini menumpu kepada strategi komunikasi lisan dan tidak kepada komunikasi tulisan. Ini kerana, pada pendapat pengkaji komunikasi lisan lebih memperlihatkan usaha-usaha spontan murid ketika berkomunikasi dalam bahasa Inggeris yang sekaligus menyaksikan penggunaan pelbagai strategi komunikasi. Sampel kajian ialah 70 orang murid-murid Tamil tahun enam. Daripada jumlah ini seramai 25 orang adalah murid perempuan dan 45 orang adalah murid lelaki. Namun aspek gender dan kematangan mental tidak diperbincangkan dalam kajian ini. Kajian ini hanya akan dijalankan di Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil berkenaan sahaja. Data yang diperoleh tidak boleh digeneralisasikan kepada semua sekolah rendah yang lain.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian terhadap strategi komunikasi bukanlah sesuatu yang baru di Malaysia mahupun di luar negara. Kajian ini mengkaji kekangan-kekangan yang dihadapi oleh murid-murid Tamil semasa pembelajaran sains dalam bahasa Inggeris. Dapatan kajian ini dapat menjelaskan bagaimana murid-murid Tamil mengatasi masalah yang dihadapi semasa penyampaian mesej. Maklumat daripada kajian ini dapat membantu para guru menyediakan pengajaran dan pembelajaran yang mudah supaya murid-murid dapat mempelajari sains dalam bahasa Inggeris dengan mudah. Apa yang lebih penting ialah dapat menolong guru mencorak pembelajaran sains yang lebih kreatif dan menyeronok, yang sesuai dengan latar belakang murid-murid Tamil. Kajian ini penting kerana ia melibatkan Dasar Pelajaran Malaysia dan berkaitan dengan mata pelajaran penting iaitu Sains. Melalui kajian ini pengkaji akan mengenal pasti pelbagai strategi komunikasi yang digunakan oleh murid-murid semasa membuat kerja kumpulan, pembentangan dan soal jawab sewaktu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains.

1.8 Definisi Istilah

Beberapa istilah penting yang digunakan akan dijelaskan dalam bahagian ini. Strategi komunikasi, multilingual, dan bilingual antara istilah yang akan dijelaskan dalam bahagian.

1.8.1 Strategi Komunikasi

Selinker (1974) yang membuat kajian terhadap strategi komunikasi berpendapat bahawa strategi komunikasi adalah satu proses pembelajaran bahasa kedua. Lebih ringkas boleh dikatakan sebagai satu pendekatan yang digunakan oleh pelajar bahasa kedua untuk berkomunikasi dengan penutur bahasa sasar.

Selepas Selinker, terdapat beberapa orang sarjana barat turut memberi ulasan tentang definisi strategi komunikasi. Antara sarjana barat tersebut ialah Elaine Tarone (1977) dan Andrew D. Cohen (1990). Menurut mereka strategi komunikasi adalah satu usaha yang sistematis yang dilakukan oleh penutur dalam usaha untuk menjelaskan atau memberikan makna sesuatu perkataan dalam bahasa sasaran yang sesuai atau yang sistematis masih lagi belum dapat dikuasai.

“communication strategy define as a systematic attempt by the learner to express or decode meaning in the target language, in situation where the appropriate systematic target language rules have not been formed.”

(Tarone, Cohen dan Dumas(1983:5)

Mengikut Tarone, Cohen dan Dumas (1983) strategi komunikasi adalah satu kaedah yang digunakan oleh penutur untuk menyatakan maksud dalam bahasa sasaran tanpa menghiraukan peraturan bahasa tersebut. Faerch & Kasper (1983:36) berpendapat bahawa strategi komunikasi sebagai kaedah atau perancangan yang dilakukan secara sedar oleh seseorang individu untuk menyelesaikan masalah komunikasi dalam mencapai tujuan komunikasi.

Menurut Tarone (1983: 65) strategi komunikasi adalah saling bertindak antara penutur-penutur. Beliau juga menerangkan bahawa strategi komunikasi sebagai percubaan bersama dua orang penutur mencapai persetujuan pada satu maksud mengikut keadaan sedangkan maksud struktur yang sepatutnya kelihatan tidak dimiliki bersama.

Bagi Stern (1983) pula strategi komunikasi adalah masalah yang dihadapi oleh seseorang penutur apabila berkomunikasi dalam Bahasa Kedua. Maka jelaslah bahawa konsep strategi komunikasi dalam kajian ini ialah usaha-usaha penutur untuk mengatasi masalah komunikasi. Perkara ini berlaku kerana penutur atau pelajar bahasa kedua belum menguasai sistem linguistik bahasa sasarannya.

1.8.2 Masyarakat Dwibahasa (Bilingual)

Kumpulan manusia yang boleh menggunakan dua bahasa untuk berkomunikasi dikenali sebagai masyarakat dwibahasa. Dua bahasa tersebut ialah bahasa ibunda dan bahasa yang dipelajari. Tesaurus Linguistik Bahasa Melayu (1997) pula menerangkan dwibahasa sebagai kemampuan seseorang menggunakan dua bahasa. Manakala kamus linguistik menjelaskan dwibahasa sebagai sesuatu yang berkaitan dengan dua bahasa dan mempunyai tahap kefasihan yang sama samada dalam penulisan mahupun penuturan.

Ong Kin Suan (1990) pengkaji bahasa tempatan menyatakan masyarakat dwibahasa sebagai masyarakat yang mengetahui, menguasai dan menggunakan sekurang-kurangnya dua bahasa untuk penulisan dan penuturan. Mohamad Ghazali Ibrahim (1988) berpendapat terdapat tiga bentuk masyarakat dwibahasa di dunia ini. Mengikut pandangan beliau masyarakat jenis pertama terdiri daripada sekumpulan individu yang menguasai dua jenis bahasa manakala sekumpulan lagi menguasai berjenis-jenis bahasa. Masyarakat jenis ketiga pula terdiri daripada dua masyarakat yang menuturkan dua bahasa yang berbeza-beza dari setiap kumpulan itu.

1.8.3 Masyarakat Pelbagai Bahasa (Multilingual / Polylingual)

Menurut Kamus Linguistik (1997) istilah multilingual merujuk kepada kumpulan manusia yang mempunyai kebolehan untuk berkomunikasi lebih daripada dua bahasa. Bahasa pertama adalah dirujuk kepada bahasa Ibunda, bahasa kedua, ketiga dan seterusnya ada bahasa yang dipelajari. Kamus ini juga menerangkan polilingual bahasa sebagai peseorangan, kumpulan manusia, buku, manuskrip atau kamus yang menggunakan beberapa bahasa. Tessler Linguistik Bahasa Melayu (DBP 1997) pula menerangkan bahawa kebolehan seseorang menggunakan lebih daripada satu bahasa.

Malaysia adalah sebuah negara yang rakyat berbilang bangsa dan bahasa. Situasi multilingual ini membuka peluang bagi setiap individu untuk mempelajari lebih daripada satu bahasa. Mengikut Jabatan Perangkaan Negara (2006) hampir 90% rakyat Malaysia menguasai dan mengetahui pelbagai bahasa. Orang-orang Tamil yang terdapat di Malaysia mempunyai kebolehan untuk menutur dan menulis sekurang tiga bahasa iaitu bahasa Tamil, bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Ada juga orang-orang Tamil yang berkebolehan berbahasa lebih daripada empat atau lima bahasa.

(Sumber Laman Web : www.indianmalaysia.com)

1.9 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan dengan jelas tentang latar belakang kajian, objektif, dan tujuan kajian, soalan-soalan kajian, batasan kajian dan juga beberapa definisi istilah yang penting dalam kajian ini. Selain itu, bab ini juga membincangkan tentang kepentingan kajian ini yang memfokuskan pada strategi komunikasi yang digunakan oleh murid-murid di sebuah sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Petaling Jaya ketika mempelajari mata pelajaran sains dalam bahasa Inggeris.

BAB 2

KAJIAN PERPUSTAKAAN

2.1 Pengenalan

Pada umumnya komunikasi akan berlaku antara dua pihak atau lebih daripada dua pihak. Bahasa digunakan untuk menghasilkan satu bentuk komunikasi. Namun akan timbul kekeliruan apabila lebih daripada satu bahasa atau cara digunakan untuk menyampaikan mesej. Dalam bab ini, fenomena penggunaan strategi komunikasi dalam perspektif sosiolinguistik dan linguistik akan diulaskan. Akan dijelaskan juga tentang strategi komunikasi. Pandangan penyelidik-penyelidik tempatan dan luar negara akan diteliti untuk mengetahui perkembangan strategi komunikasi.

2.2 Strategi Komunikasi

Walaupun beberapa dekad sudah berlalu, namun satu definisi yang jelas belum diberikan kepada strategi komunikasi. Para pengkaji juga tidak berdiam diri, mereka sedaya upaya berusaha untuk memberi definisi kepada strategi komunikasi. Hasil usaha para pengkaji banyak definisi bagi strategi komunikasi telah tercipta. Para pengkaji mendefinisikan strategi komunikasi sebagai :

'a systematic technique employed by a speaker to express his meaning when faced with some difficulty.'

(S.Pit Corder, 1977)

bermaksud satu sistem teknik yang diguna oleh penutur untuk menyampaikan makna sesuatu perkataan apabila menghadapi masalah pertuturan. Ketekunan para pengkaji

dalam memberi pendefinisian telah menghasilkan banyak pendefinisian bagi strategi komunikasi dari pelbagai sudut. Berikut adalah pendefinisian yang diberikan oleh penyelidik kepada strategi komunikasi.

'a systematic attempt by the learner to express or decod meaning in the target language, in situation where the appropriate systematic target language has not been formed.'

(Tarone, Cohen & Dumes, 1983)

'a conscious attempt to communicate the learner a thought when the interlanguage structures are inadequate to convey that thought.'

(Varadi, 1983)

'the speaker's attempt to communicate meaningful content, in the face of some apparent lacks in the target language system'

(Tarone, 1983)

'potentially conscious plans for solving what to an individual presents itself as a problem in reaching a particular communicative goal.'

(Faerch dan Kasper, 1983a)

'techiques of coping with difficulties in communicating in an imperfectly known second language.'

(Stern, 1983)

'devices employed by second language learners when they encounter problems in second language communication because their communicative ends have outrun their communicative means'

(Chen, 1990)

Pendefinisian dari pelbagai sudut seperti di atas telah menyebabkan percanggahan pendapat dan kekeliruan dalam kalangan para pengkaji. Banyak kritikan mula dibuat oleh para pengkaji tentang definisi strategi komunikasi. Tarone, Cohen dan Dumas (1983) telah mendefinisikan strategi komunikasi sebagai satu tindakan yang diambil dalam situasi yang genting untuk menyambung komunikasi bagi menyampaikan mesej kepada para pendengar. Bagi Wagner (1983) definisi yang diberikan oleh Tarone amat mengelirukan. Menurut beliau sukar untuk menentukan sama ada strategi komunikasi itu berlaku di saat-saat genting atau tidak. Ini disebabkan bukan semua strategi komunikasi digunakan pada saat yang genting. Ada juga strategi komunikasi digunakan untuk tujuan seperti untuk pemahaman yang jelas oleh pendengar, untuk mewujudkan situasi yang menarik semasa sesuatu komunikasi, untuk menyampaikan sesuatu mesej dengan jelas dan sebagainya. Penyelidik juga setuju dengan pendapat Wagner.

Tarone mengkritik definisi yang diberikan oleh Faerch dan Casper (1983). Tarone menentang perkataan '*Conscious*' yang digunakan oleh Faerch dan Kasper dalam pendefinisian strategi komunikasi. Bagi Tarone (1980) adalah sukar untuk menentukan tahap kesedaran seseorang semasa menggunakan strategi komunikasi. Menurut Tarone (1980) strategi komunikasi hanya wujud jika ada kerjasama di antara penutur dengan pendengar semasa penyampaian mesej kepada para pendengar. Jika kerjasama tidak wujud antara penutur dengan pendengar penggunaan strategi komunikasi mungkin tidak wujud. Besar kemungkinan penutur gagal menyampaikan maklumat yang hendak disampaikan.

Walaupun definisi yang diberikan oleh para pengkaji bercanggah antara satu sama lain namun terdapat juga persamaan antara satu sama lain. Tiga ciri telah menjadi asas dalam semua pendefinisian strategi komunikasi. Antaranya,

- 1) Halangan / Masalah
- 2) Kesedaran
- 3) Kesengajaan

Secara amnya, strategi komunikasi boleh didefinisikan sebagai usaha yang dilakukan oleh pelajar bahasa kedua atau bahasa asing dalam penyampaian mesej dengan pengetahuan linguistik yang terhad. Adalah lebih baik sekiranya pelajar menggunakan strategi komunikasi dalam keadaan sedar. Ini kerana pelajar dalam keadaan boleh berfikir dan merancang terlebih dahulu mengenai perkara yang hendak diujarkan supaya dapat berkomunikasi dengan berkesan. Apabila keadaan ini berlaku, strategi komunikasi yang digunakan akan bertukar kepada strategi pembelajaran. Murid-murid akan tahu dan ingat jenis strategi yang harus digunakan sekiranya menghadapi masalah dalam komunikasi.

2.2.1 Strategi Komunikasi dan Ciri-Ciri Pendefinisian

Ciri-ciri yang digunakan oleh Faerch dan Kasper (1983) telah menjadi asas dalam pendefinisian strategi komunikasi. ‘Masalah’ untuk berkomunikasi telah menjadi ciri perdana dalam mendefinisikan strategi komunikasi. ‘Kesedaran’ penutur untuk menggunakan strategi komunikasi telah menjadi ciri sampingan dalam mendefinisikan strategi komunikasi.

2.2.1.1 Strategi Komunikasi Yang Berlandaskan Masalah.

'Masalah' berkomunikasi merupakan perkara yang biasa dalam proses komunikasi. Masalah di sini dirujuk sebagai gangguan yang dialami oleh seseorang penutur semasa berkomunikasi untuk mencapai matlamat komunikasi. Mahupun pelajar bahasa kedua ataupun pelajar bahasa asli tetap menghadapi masalah semasa berkomunikasi. Masalah komunikasi dikatakan timbul apabila penutur menghadapi gangguan dalam menyampaikan mesej kepada pendengar. Perkara ini dijelaskan oleh Kellerman (1977). Kellerman (1977) menyatakan strategi komunikasi sebagai 'satu pendekatan teratur menghadapi masalah' (*a well organized approached to the problem*). Kekurangan pengetahuan linguistik menjadi punca utama kepada masalah komunikasi. Ini yang diterangkan oleh Klau dan Buhr (1976) dalam Faerch dan Kasper (1983). Klau dan Buhr (1976) dalam Faerch dan Kasper (1983) menyatakan masalah sebagai 'kesedaran seseorang individu terhadap tidak cukup pengetahuan linguistik dalam mencapai kejayaan dalam komunikasi dan strategi yang diperlukan untuk meluaskan pengetahuan linguistik tersebut (*recognition by an individual due to the insufficiency of his/her existing linguistic knowledge to reach a communication goal and of the consequent need for expanding this knowledge*).

Faerch dan Kasper (*ibid*) pula dalam kajian mereka menyatakan matlamat strategik komunikasi dan masalah komunikasi mempunyai hubungan yang rapat. Hasil sesuatu ujaran adalah dikawal oleh strategi komunikasi yang digunakan. Kellerman dan Jordens juga menggunakan konsep yang telah digunakan oleh Faerch dan Kasper. Kellerman dan Jordens juga menyatakan strategi komunikasi mempunyai hubungan rapat dengan masalah komunikasi. Menurut Jordens (1977: 14) strategi hanya digunakan apabila sesuatu dianggap sebagai masalah (*strategies can be only applied when something is*

acknowledge as probelematic). Manakala Kellerman (1977: 93) pula menyatakan strategik sebagai ‘satu pendekatan teratur menghadapi masalah’ (*a well organised approached to a problem*).

Definisi yang diberikan oleh pengkaji-pengkaji di atas menjelaskan bahawa strategik komunikasi hanya digunakan apabila masalah komunikasi timbul. Masalah leksikal menyebabkan masalah dalam kelancaran komunikasi. Bagi mengatasi masalah ini para penutur terpaksa menggunakan pelbagai strategi komunikasi.

Bukan semua kes penggunaan strategi komunikasi berpunca akibat kekurangan pengetahuan leksikal. Ada juga yang berpunca dari kecuaiian penutur. Selain daripada kecuaiian penutur, latar sosio-budaya yang berlainan di antara penutur dengan pendengar juga memerlukan seorang penutur bahasa kedua menggunakan strategi komunikasi dalam penyampaian mesej. Penutur terpaksa menggunakan strategi komunikasi untuk merapatkan hubungan dengan pendengar. Penutur terpaksa menggunakan pelbagai strategi komunikasi seperti mimik muka, penggunaan bahasa yang mudah, pergerakan tangan dan sebagainya untuk menyampaikan mesej kepada pendengar. Penutur ingin pendengar memahami isi mesej yang sedang disampaikan itu dengan baik. Maka dengan ini, jelas bahawa masalah komunikasi dalam bahasa kedua menyebabkan penutur menggunakan pelbagai strategi untuk mengatasi masalah komunikasi. Pendapat ini telah dibuktikan oleh S. Pitt Corder (1978) melalui kajian terhadap strategi komunikasi yang bertajuk ‘*Strategies Of Communication*’. Dalam kajian yang dilakukan, beliau mendapati bahawa fenomena penggunaan strategi komunikasi adalah sesuatu yang dihasilkan oleh seseorang pelajar bahasa kedua apabila berhadapan dengan masalah untuk menyampaikan mesej dengan tepat kerana mempunyai pengetahuan linguistik yang tidak mencukupi untuk menyampaikan

mesej dengan tepat. Selain itu, penutur mempunyai dua pilihan lain iaitu menggunakan strategi pengelakan atau bertindak meneruskan ujaran mereka tanpa mengira kesan – kesan yang akan timbul kelak (S. P. Corder, 1981: 103-106). Selain itu, terdapat juga faktor–faktor lain yang menyebabkan penggunaan strategi komunikasi oleh seseorang penutur.

2.2.1.2 Strategi Komunikasi dan Kesedaran.

Secara ringkas boleh dikatakan strategi komunikasi hanya digunakan apabila wujud masalah komunikasi. Perkara yang menjadi isu sekarang ialah tentang kesedaran pelajar semasa menggunakan sesuatu strategi komunikasi untuk menyampaikan mesej secara lisan. Adakah seseorang penutur sedar bahawa dirinya sedang menggunakan strategi komunikasi? Satu kepastian tidak dapat diberi terhadap persoalan ini.

Tetapi, kajian-kajian yang dilakukan oleh ahli-ahli bahasa membuktikan bahawa ada juga penutur yang sedar bahawa dirinya sedang menggunakan strategi komunikasi secara sistematik dalam menyelesaikan masalah komunikasi. Pendapat ini dibuktikan oleh Faerch dan Kasper (1983 : 36), Vardi (1983) dan Tarone (1977) pula menyokong pendapat Faerch dan Kasper dengan menyatakan bahawa strategi komunikasi yang digunakan itu adalah satu rancangan teratur yang digunakan secara sedar oleh penutur. Namun, tahap kesedaran semasa menggunakan strategi komunikasi tidak dapat diukur. Begitu juga dengan tahap kesedaran. Tahap kesedaran ini berbeza di antara seseorang individu dengan individu yang lain.

Sharwood Smith (dalam Faerch dan Kasper 1983) menyatakan, proses mental dalaman seseorang individu berbeza dengan individu lain (*different individuals may be more or less able to become aware of their own internal mental operations*). Walaupun, proses mental berlaku secara automatik namun ini tidak boleh disamakan dengan ketidaksedaran.

2.2.2 Isu-Isu Kontroversi Tentang Strategi Komunikasi .

Penggunaan strategi komunikasi adalah amat luas. Kita tidak boleh menghadkan strategi sebagai satu aspek yang digunakan dalam bidang bahasa untuk komunikasi. Strategik dalam bidang bahasa digunakan untuk pelbagai tujuan. Tambahan pula, sehingga hari tidak ada satu pendefinisian yang muktamad diberikan terhadap strategi komunikasi. Perbezaan pendapat dalam kalangan pengkaji-pengkaji bahasa telah menyukarkan lagi pendefinisian terhadap strategi komunikasi. Walaupun, pandangan-pandangan yang diberikan itu berbeza-beza namun pandangan-pandangan tersebut sedikit sebanyak dapat menolong pengkaji-pengkaji lain untuk memahami strategi komunikasi.

2.2.2.1 Strategi dan Proses

Dalam strategi komunikasi antara bahasa, istilah ‘strategi’ sering kali ditukar ganti dengan istilah ‘proses’. Ini memberi satu implikasi bahawa kedua-dua istilah itu merujuk kepada kelas fenomena yang sama.

Dimensi masa telah digunakan oleh Blum-Kulka dan Levenston (dalam Bialystok, 1990) untuk membezakan strategi dan proses. Mengikut mereka strategi adalah *'the way the learner arrives at a certain usage at specific point in time'*. Ini jelas bahawa strategi berlaku secara berasingan pada satu masa tertentu. Maka pelajar dapat menggunakan strategi simplikasi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi pada masa itu. Contohnya, pelajar yang tidak menguasai perkataan *'pomegranate'* akan menggunakan perkataan *'fruit'* sahaja dalam ujaran sebagai satu cara untuk meneruskan komunikasi tanpa sebarang gangguan.

Pengulangan sesuatu perkataan beberapa kali dalam ujaran membawa kepada satu penerapan dalam bahasa kedua. Contohnya, seorang murid yang menggunakan *'fruit'* sebagai satu perkataan untuk merujuk kepada perkataan *'pomegranate'*. Dengan cara ini, sistem antara bahasa murid tersebut telah dipermudahkan. Cara ini yang dikatakan sebagai proses simplifikasi. Maka Blum dan Levenston (ibid) mendefinisikan *'proses'* sebagai *'the systematic series of steps by which the learner arrives at the same usage over time.'*

Ciri yang paling penting bagi kedua-dua cara yang dikemukakan memberi satu cadangan bahawa corak penggunaan bahasa tidak berubah. Ini menjelaskan bahawa konsep strategi dan konsep proses tidak ada perbezaan. Faerch dan Kasper (1983), serta Bialystok (1978) pula memberi pandangan yang berbeza mengenai proses dan strategi. Mereka menyatakan bahawa proses sebagai *'obligatory'* yang bermaksud bersifat menyeluruh. Ini menjelaskan bahawa semua orang akan melalui proses dalam pembelajaran bahasa kedua. Manakala strategi adalah *'optional mental activities'*

ataupun *'optional machanisms'* yang digunakan oleh pelajar bahasa kedua. Penutur boleh membuat pilihan semasa sesi komunikasi.

Proses biasanya ditakrifkan secara umum. Brown (dalam Faerch dan Kasper, 1983a: 30) mendefinisikan proses sebagai *'continuing development involving a number of changes'*. Pada pendapat penyelidik definisi ini tidak jauh beza dengan definisi Klaus dan Buhr (1976:990).

2.2.2.2 Strategi dan Kesalahan

'The concept of Strategy Comunication in second language is closely related to the idea of erroneous or non-native like behaviour' (1983:199) adalah kata-kata yang dikeluarkan oleh Raupach. Menurut beliau strategi komunikasi mempunyai hubungan rapat dengan idea kesalahan. Bagi Ellise(1984) *'kesalahan'* dan *'strategi'* menggambarkan tahap prestasi pembelajaran dalam Bahasa Kedua. Tetapi dari segi takrif kedua-duanya adalah berbeza. Kesalahan bermaksud penggunaan bahasa kedua yang tidak betul dari segi tatabahasa manakala ia strategi bermaksud teknik yang digunakan untuk mengatasi masalah komunikasi yang boleh menghalang penyampaian mesej kepada pendengar.

Bagi Corder (1983), kesalahan dan strategi mempunyai hubungan langsung. Jika berlaku kesalahan maka strategi akan digunakan dalam komunikasi bahasa kedua. Beliau memberi takrifan kepada kesalahan seperti berikut:

'the result of interference in the learning of a second language from the habits of first language'

Kesalahan boleh menentukan strategi yang akan digunakan oleh kanak-kanak yang belajar bahasa kedua. Bagi beliau kesalahan adalah berbeza dengan kesilapan. Kesilapan (mistake) ialah *'errors of performance'* manakala kesalahan ialah *'errors of competence.'*

Corder membuat hubungan antara kesalahan dan strategi berdasarkan strategi pembelajaran *'trial'* dan *'error'*. Namun hubungan yang dicorakkan oleh Corder tidak dapat diterima disebabkan strategi yang dimaksudkan itu bukan strategi komunikasi. Selain itu, kesalahan yang dimaksudkan oleh Corder itu juga tidak jelas maksudnya.

Strategi berbeza dari kesalahan. Ini merupakan pandangan yang dikemukakan oleh Faerch dan Kasper (1983a). Bagi, mereka penggunaan strategi komunikasi dalam Bahasa Kedua bukan kesalahan malahan ia merupakan persembahan yang tidak asli (*non-native like performance*). Mereka juga menentang pendapat yang menyatakan penggunaan strategi komunikasi boleh menyebabkan kesalahan. Mereka juga berpendapat bahawa kesalahan menjadi punca utama bagi penggunaan strategi. Bagi mereka penggunaan strategi menyebabkan pertuturan yang dihasilkan itu tidak seperti penutur asli. Pengalaman strategi komunikasi dalam pertuturan bahasa kedua bukanlah satu kesalahan.

2.2.2.3 Strategi Pembelajaran dan Strategi Komunikasi.

Strategi komunikasi dan strategi pembelajaran adalah berkait rapat dengan penggunaan atau pertuturan bahasa kedua. Strategi komunikasi dan strategi pembelajaran mempunyai persamaan. Namun kedua-dua strategi ini mempunyai hubungan yang mengelirukan. Selinker dalam kertasnya *'Interlanguage'* pada tahun 1972, telah membezakan strategi komunikasi dan strategi pembelajaran. Selinker menyatakan strategi komunikasi dan strategi pembelajaran adalah dua proses yang berbeza dalam inti pembelajaran Bahasa. Tarone (1983) pula menjelaskan strategi komunikasi sebagai strategi penggunaan bahasa. Strategi pembelajaran pula digolongkan sebagai strategi yang digunakan dalam pembelajaran bahasa. Menurut Tarone strategi pembelajaran adalah seperti berikut;

*'an attempt to develop linguistic and socio linguistic competence
in the target language to incorporate these into ones interlanguage
competence'*
(Tarone, 1983)

Tarone menjelaskan perbezaan strategi komunikasi dan strategi pembelajaran berdasarkan motivasi penggunaan. Motivasi yang digunakan dalam strategi komunikasi adalah satu keinginan untuk menyampaikan maklumat kepada para pendengar. Manakala strategi pembelajaran adalah motivasi untuk mempelajari sesuatu bahasa kedua. Strategi pembelajaran ialah semua aktiviti pedagogi bagi menolong penutur bahasa kedua untuk menghafal tatabahasa Bahasa kedua. Antara strategi pembelajaran yang ditemui oleh Tarone ialah penghafalan, pengulangan, cara-cara membaiki peringatan usaha untuk bertutur dengan penutur asli, mentafsir dan membuat kesimpulan (*inferencing*) dan mengeja (*spelling*).

Dalam pendefinisian Tarone, strategi pembelajaran langsung tidak wujud dalam strategi komunikasi. Strategi komunikasi digunakan apabila penutur menghadapi masalah dalam penyampaian mesej kepada pendengar. Pendefinisian yang dibuat oleh Tarone menyatakan bahawa sesuatu strategi hanya wujud dalam salah satu strategi sahaja sama ada strategi komunikasi ataupun strategi pembelajaran.

Oleh itu, usaha Tarone untuk membezakan strategi komunikasi dan strategi pembelajaran menghadapi banyak masalah kerana;

1. Motivasi tidak dapat disukat pada saat penggunaan secara tepat dan objektif.
2. Seseorang memang berniat hendak berkomunikasi secara tidak langsung mempelajari bahasa tersebut.

Corder (1983) menyatakan strategi pembelajaran sebagai sesuatu yang membawa perkembangan dalam sistem antara bahasa. Manakala strategi komunikasi pula digunakan dalam mengatasi masalah komunikasi dalam penyampaian maklumat kepada pendengar.

Strategi pembelajaran telah mendapat banyak pendefinisian daripada ahli-ahli bahasa. Bagi Bialystok (1983) strategi pembelajaran bermaksud meneka makna, rela kelihatan jahil (Rubin 1975), sikap sabar serta bertimbang rasa terhadap penutur (stern 1975). Pada pendapat penyelidik, strategi komunikasi dan strategi pembelajaran berkait rapat antara satu sama lain. Menurut Bialystok 1983:102

*'any strategy may potentially operates either a learnin
communication strategy'*

Namun bukan semua strategi komunikasi digunakan dalam strategi pembelajaran seperti yang ditemui oleh Palmberg (1984). Pada masa yang sama sesuatu strategi juga tidak mempunyai sifat-sifat semula jadi yang boleh menentukan peranan dan tujuan sesuatu strategi. Sesuatu strategi hanya boleh dikategorikan sebagai strategi komunikasi atau strategi pembelajaran setelah kita mengetahui kesan dan matlamat penggunaan (Kurt Kohn,1979) dalam Bialystok (1983).

2.3 Pengklasifikasian dan Taksonomi Strategi Komunikasi.

Menurut Bialystok (1983) taksonomi ataupun lebih dikenali sebagai tipologi adalah *'systematic organizing structures for a range of events within a domain'*. Terdapat banyak taksonomi strategi komunikasi. Antaranya taksonomi oleh Cohen dan Dumas (1983a) taksonomi Bialystok (1983), taksonomi Corder (1983), taksonomi Varadi (1983), dan taksonomi Paribakht (1985).

Satu senarai yang mengandungi strategi komunikasi yang disusun dalam satu taksonomi dikenali sebagai pengkelasan strategi. Berdasarkan kajian percubaan, penyelidik telah menyediakan satu taksonomi strategi komunikasi yang telah diubahsuai daripada taksonomi Tarone (1983), Paribakht (1985), Faerch dan Kasper (1983a), Varadi (1983) dan Bialystok (1983). Taksonomi strategi komunikasi untuk kajian penyelidik ini adalah dikelaskan kepada dua kumpulan utama iaitu strategi pencapaian dan strategi pengelakan. Taksonomi untuk kajian penyelidik adalah seperti berikut:

Taksonomi Strategi Komunikasi untuk kajian ini.

- (A) Strategi Pencapaian
 - (1) Strategi Jenis Linguistik
 - a) Strategi yang berdasarkan Bahasa Pertama atau Bahasa Lain.
 - (i) Terjemahan literal.
 - (ii) Penukaran Kod Bahasa.
 - b) Strategi yang berdasarkan Bahasa Kedua
 - (i) Penghampiran
 - (ii) Penciptaan perkataan baru
 - (iii) Pengulangan
 - 2) Strategi Interaksi
 - (a) Strategi rayuan kerjasama secara langsung
 - (b) Strategi rayuan kerjasama secara tidak langsung. (Penggunaan Isyarat)
 - 3) Strategi Bukan Linguistik
 - (a) menyertai penghasilan ujaran
 - (b) menggantikan penghasilan ujaran.
 - 4) Strategi Pengelakan
 - (a) strategi pengelakan topik
 - (b) strategi peninggalan mesej.

Secara amnya, strategi komunikasi boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu strategi pencapaian dan strategi pengelakan. Penggunaan strategi ini bergantung kepada penutur itu . Berikut adalah penerangan yang terperinci bagi strategi-strategi yang tersenarai dalam rajah diatas.

2.3.1 Strategi Pencapaian

Strategi-strategi yang digunakan oleh penutur untuk mengatasi masalah komunikasi dalam penyampaian mesej kepada pendengar dikenali sebagai strategi pencapaian. Penggunaan strategi komunikasi ini oleh penutur membolehkan mereka menyampaikan mesej asalnya dengan jaya kepada pendengar tanpa sebarang perubahan. Strategi pencapaian ini terbahagi kepada tiga iaitu strategi linguistik, strategi rayuan kerjasama dan strategi bukan linguistik.

2.3.1.1 Strategi Jenis Linguistik

Strategi linguistik melibatkan penggunaan bahasa. Bahasa-bahasa yang terlibat dengan strategi ini biasanya ialah bahasa sasaran (bahasa kedua) yang digunakan ataupun bahasa –bahasa lain termasuk bahasa ibunda penutur berkenaan. Untuk kajian ini empat jenis strategi komunikasi jenis linguistik digunakan. Antaranya strategi penghampiran, strategi mencipta perkataan baru, strategi pengulangan, dan strategi deskripsi. Selain daripada strategi – strategi ini terdapat juga dua jenis strategi yang berdasarkan bahasa ibunda iaitu strategi pertukaran kod bahasa dan strategi terjemahan terus.

2.3.1.1.1 Strategi Penghampiran

Menurut Tarone (1983), seseorang penutur yang menggunakan strategi penghampiran biasanya berada dalam keadaan sadar. Penutur yang menggunakan strategi ini sadar bahawa perkataan diguna sebagai pengganti itu kurang tepat. Namun penutur tetap mengguna perkataan tersebut disebabkan mempunyai ciri- ciri semantik yang hampir sama dengan istilah bahasa kedua. Ada kalanya, penutur menggunakan istilah-istilah berbentuk superordinat sebagai pengganti kepada istilah dalam bahasa sasaran. Contohnya bunga '*ros*' dirujuk sebagai '*bunga*', '*kot*' dirujuk sebagai '*baju*'. Kadangkala, penutur menggunakan istilah yang membawa makna yang sama seperti riang untuk merujuk kepada gembira; comel untuk merujuk kepada cantik.

Pada amnya penutur sadar bahawa penggunaan istilah tersebut tidak tepat pada konteks semantik ataupun tatabahasa. Penggunaan strategi ini telah membawa kesan secara tidak langsung kepada pendengar. Penggunaan strategi ini telah menggalakan pendengar supaya mereka meneka istilah sasaran yang ingin disampaikan.

2.3.1.1.2 Strategi Pengulangan

Strategi Pengulangan adalah satu strategi yang senang untuk dikesan. Semasa menggunakan strategi ini sesuatu perkataan akan diulang beberapa kali. Pengulangan perkataan dilakukan dalam struktur ayat tidak berubah banyak. Penggunaan strategi pengulangan ini memberi sedikit sebanyak masa kepada penutur untuk mengingat kembali istilah atau perkataan yang ingin disampaikan. Penutur juga menggunakan strategi ini untuk menyusun semula struktur ayat supaya menjadi ayat yang betul.

Selain itu, penutur juga berharap pendengar dapat meneka maksud yang ingin disampaikan. Di samping itu, kelajuan penyampaian mesej juga diperlahankan. Pihak pendengar dan penutur cuba berusaha untuk menyampai dan menerima maklumat.

2.3.1.1.3 Strategi Mencipta Perkataan Baru

Strategi mencipta perkataan baru merupakan strategi mencipta perkataan baru oleh penutur sendiri. Strategi ini langsung tidak wujud dalam leksikal bahasa sasaran. Strategi ini dicipta hasil daya kreativiti penutur itu sendiri. Strategi ini menjadi pilihan pengguna bahasa apabila wujud keadaan di mana sesuatu perkataan atau istilah tidak diketahui semasa komunikasi. '*Money box*' diguna sebagai ganti kepada '*Coin box*' untuk tabung menyimpan duit syiling.

Penutur yang memilih strategi ini biasanya mengeksplotasikan pengetahuan dalam bahasa kedua untuk mengatasi masalah komunikasi. Semasa menggunakan strategi ini penutur akan menggabungkan ciri-ciri (*Conceptual features*) yang dimiliki sesuatu objek dalam sistem bahasa kedua berkenaan dengan strategi ini.

2.3.1.1.4 Strategi Deskripsi

Strategi Deskripsi dikatakan sebagai strategi penggambaran. Sifat-sifat sesuatu objek atau situasi dihuraikan sebagai pengganti kepada istilah yang ingin disampaikan. Ciri-ciri fizikal seperti warna, bentuk, kedudukan objek, unsur sejarah, dan sebagainya digunakan dalam menyampaikan mesej kepada pendengar. Selain itu, penggunaan

strategi ini juga membuktikan bahawa penutur adalah seorang yang bersikap berdikari. Kegagalan menyebut sesuatu istilah atau perkataan semasa komunikasi boleh mengganggu perjalanan atau kelancaran komunikasi. Penggunaan strategi ini akan mengatasi masalah komunikasi tersebut. Namun penggunaan strategi ini tidak seratus peratus mengatasi masalah komunikasi kerana pertuturan menjadi tidak kemas dan tidak padat.

Mengikut Tarone (1983) seorang penutur yang gagal mencari struktur bahasa yang betul akan menerangkan panjang lebar ciri-ciri sesuatu benda atau perbuatan dengan harapan pendengar boleh meneka maksud yang ingin disampaikan. Blum-Kulka dan Levenston (1983) pula menyatakan dalam domain strategi komunikasi penerangan kesemua sifat-sifat semantik yang berkaitan dengan objek yang ingin disampaikan akan menyenangkan pendengar dalam memahami maksud yang ingin disampaikan. Sifat-sifat fizikal seperti warna, saiz, bentuk dan sebagainya diterangkan dengan panjang dan lebar untuk menggantikan istilah yang dilupa oleh penutur (Paribakth 1985). Menurut Paribakth (1985) pemilihan strategi ini hanya satu gangguan kepada komunikasi yang sedang berjalan.

Walaupun penggunaan strategi tidak tepat, padat dan kemas namun pemilihan strategi ini oleh penutur menandakan penutur sebagai seorang yang berdikari kerana berusaha mengatasi masalah komunikasi dengan pengetahuan bahasa kedua yang ada padanya. Contoh strategi ini ialah '*long leg of candle*' sebagai pengganti kepada '*stand of candle*'

2.3.1.1.5 Strategi Terjemahan Terus

Strategi Terjemahan terus bermaksud penutur menterjemah secara bulat-bulat istilah atau ungkapan yang diperlukan satu persatu dari bahasa pertamanya. Penggunaan strategi ini adalah dalam keadaan sedar dan melibatkan terjemahan literal perkataan ataupun frasa.

Contoh: *beat the bell (mani adi)*
sepatutnya *press the bell*.

Kesan penggunaan strategi ini ialah penuturan dalam bahasa kedua kedengaran tidak normal. Ini disebabkan bahasa kedua ini mempunyai sifat tatabahasa yang berlainan dengan bahasa pertama. Hampir kebanyakan perkataan atau frasa yang ditutur melalui strategi ini kurang difahami oleh pendengar. Namun ada ujaran yang difahami oleh pendengar walaupun kurang jelas maksudnya.

2.3.1.1.6 Strategi Pertukaran Kod Bahasa

Menurut Corder (1983) strategi pertukaran kod bahasa adalah satu strategi yang berisiko tinggi dalam menjayakan komunikasi. Strategi pertukaran kod bahasa adalah satu cara peminjaman berbentuk ekstrem. Strategi ini dikatakan satu cara pinjaman berbentuk ekstrem kerana penggunaan sesuatu perkataan dari segi bahasa pertama atau bahasa lain tanpa menukar langsung perkataan tersebut. Pada tahun 1981, Tarone telah menukarkan nama strategi ini sebagai strategi peminjaman. Seseorang penutur akan

cuba berkomunikasi dengan menggunakan istilah atau frasa bahasa pertama tanpa mengubahsuaikan istilah iaitu dari segi morfologi atau fonologi.

Contoh : Next we will **make lubang on** the cover

Apabila strategi ini digunakan dalam komunikasi ia tidak membawa sebarang masalah pemahaman kepada pendengar perbuatan tersebut ditunjukkan dengan gerak-gerik. Selepas penggunaan strategi ini penutur akan mengurang penuturan daripada rancangan komunikasi asal. Ada juga keadaan di mana penutur akan mengambil keputusan untuk tidak meneruskan topik itu lagi.

2.3.1.2 Strategi Rayuan Kerjasama

Apabila penutur menghadapi masalah dalam komunikasi ada masanya penutur akan meminta bantuan dari sumber-sumber lain. Sumber-sumber luar itu adalah rakan-rakan perbual, kamus, para pendengar dan sebagainya. Menurut Tarone (1983), penutur hanya akan meminta secara langsung daripada sumber yang dipercayai sahaja. Sumber yang dipercayai ini ialah pendengar.

Penggunaan strategi rayuan kerjasama ini biasanya meminta bantuan secara terus daripada pendengar. Bantuan yang diminta pun dengan kadar yang segera agar komunikasi yang dilakukan itu tidak terhenti atau terganggu disebabkan kelemahan leksikal yang dialaminya. Tambahan pula, penggunaan strategi ini adalah untuk menyampaikan jawapan yang lebih tepat dan jitu. Terdapat juga masa penutur meminta bantuan secara tidak langsung. Memanjangkan suku kata akhir, meninggikan nada

suara, melihat pendengar tanpa sebarang kata pepatah, mimik muka, pemberian gerak isyarat yang luar biasa dalam bahasa kedua adalah antara tanda-tanda yang menunjukkan penutur meminta bantuan. Namun penggunaan tanda ini berbeza daripada strategi penggunaan paralinguistik.

2.3.1.3 Strategi Bukan Linguistik

Strategi bukan linguistik juga dikenali sebagai strategi bukan verbal. Perkataan-perkataan yang tidak dapat disebut disampaikan secara paralinguistik. Contohnya membezakan sesuatu perbuatan yang tidak disebut secara ujaran. Bersiul-siul, melukiskan objek sasaran, mengetarkan badan menandakan sejuk dan sebagainya merupakan antara aktiviti yang kerap diguna oleh penutur semasa komunikasi.

Penutur mula menggunakan strategi bukan linguistik ini apabila penutur merasakan bahawa maklumat tidak dapat disampaikan dengan sempurna. Penutur juga berasakan pergantungan seratus peratus kepada verbal akan menyebabkan komunikasinya tidak akan berjaya. Disebabkan jenis bukan linguistik digunakan bersama ujaran maka ia dikenali sebagai strategi bukan linguistik yang menyertai ujaran.

2.3.2 Strategi Pengelakan

Strategi pengelakan pelbagai jenis. Strategi pengelakan sintaktik, strategi pengelakan fonologi, strategi pengelakan semantik, strategi pengelakan mesej dan sebagainya merupakan antara strategi pengelakan yang kerap digunakan oleh penutur apabila

menghadapi masalah dalam komunikasi. Namun dalam kajian ini strategi pengelakan tidak diberi tumpuan kerana kajian ini memberi tumpuan kepada pencapaian matlamat komunikasi melalui penggunaan pelbagai strategi. Strategi pengelakan ini digunakan dengan cara luar biasa. Kata ganti '*This*' dan '*That*' telah digunakan untuk perkataan-perkataan yang dielakan.

2.4 Kajian Luar Negara

Kajian tentang strategi komunikasi telah bermula sejak awal tahun 1970-an di negara-negara barat. Pada tahun 1972 buat pertama kali istilah tentang strategi komunikasi dijumpai dalam rencana interlingua oleh Selinker. Tamas Vardi (1973) telah menjadi pelapor kepada kajian-kajian strategi komunikasi di masa hadapan. Beliau membuat kajian terhadap dua kumpulan orang dewasa yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa asing di Hungary. Dua kumpulan seramai sembilan dan sepuluh orang ini telah mempelajari bahasa Inggeris sekurang-kurangnya selama 6 bulan.

Tamas Vardi (1973) telah menjalankan kajian ini dalam dua fasa. Semasa fasa pertama kedua-dua kumpulan telah diberi beberapa siri lukisan. Kumpulan pertama diberi masa selama empat puluh lima minit untuk menerangkan tentang lukisan tersebut. Kumpulan pertama dikehendaki menerangkan lukisan tersebut dalam Bahasa Inggeris. Kumpulan kedua pula dikehendaki memberi penerangan dalam bahasa Hungary selama 30 minit. Kedua-dua kumpulan tidak dibenarkan menggunakan kamus.

Selepas beberapa hari kajian fasa kedua telah dijalankan. Dalam fasa kedua kumpulan pertama dikehendaki menterjemah versi Bahasa Inggeris ke Bahasa Hungary. Manakala kumpulan kedua pula perlu menukarkan versi Bahasa Hungary ke versi Bahasa Inggeris. Satu perbandingan telah dibuat oleh Vardi (1973) ke atas versi kajian tersebut. Hasil daripada kajian Vardi menyatakan pelajar yang menghadapi masalah semasa berkomunikasi akan bertindak mengurangkan mesej dengan pendengar. Model penghasilan bahasa antara telah digunakan sebagai panduan dalam penyelidikan oleh Vardi (1973 : 98).

Pengkaji S. Pitt Corder (1978) pun membuat kajian terhadap strategi komunikasi dari aspek pelajar bahasa kedua. '*Strategies of Communication*' merupakan tajuk kajian beliau. Melalui kajian beliau mendapati penggunaan strategi komunikasi wujud apabila seseorang pelajar bahasa kedua menghadapi masalah dalam penyampaian mesej kepada pendengar. Keadaan ini berlaku disebabkan pelajar tidak mempunyai pengetahuan linguistik yang mencukupi untuk menyampaikan maksud dengan tepat. Apabila situasi begini terjadi pelajar-pelajar mempunyai dua jalan untuk mengatasi masalah komunikasi ini, iaitu menggunakan strategi pengelakan atau menyambung pertuturan tanpa memikirkan kesan-kesan tertentu yang akan timbul (S. P.Corder, 1981: 103-106)

S. Pitt Corder (1983) menyatakan bahawa pelajar bahasa kedua berbeza dengan penutur asli. Penutur asli tidak mempunyai matlamat (*ends*) dan pendekatan (*means*) dan sentiasa mempunyai kompetensi linguistik yang mencukupi. Ini berbeza dengan pelajar bahasa kedua. Pengetahuan linguistik yang kurang di kalangan pelajar bahasa kedua menyebabkan mereka sentiasa berada dalam ketidakseimbangan. Pelajar-pelajar bahasa kedua ini hanya ada dua pilihan sahaja. Dua pilihan itu ialah menyampaikan mesej

dengan mengubahsuaikan mesej mengikut tahap pengetahuan linguistik mereka atau cuba menggunakan strategi perluasan sumber.

Seterusnya kajian mengenai strategi komunikasi yang berkaitan strategi-strategi lain dalam proses pembelajaran bahasa kedua yang telah diutarakan oleh Tarone (1983) dan Bialystrok (1990). Contoh kajian yang paling jelas ialah kajian perbandingan yang dilakukan antara strategi produksi, strategi pembelajaran dan strategi persepsi.

Bagi Tarone (1981) strategi komunikasi adalah satu usaha sedar antara dua intelektual dalam satu situasi tertentu. Struktur (*requisite*) makna tidak dikongsi bersama oleh penutur dan pendengar dalam hal ini. Tarone (1981) juga telah menjelaskan perbezaan antara strategi pengeluaran, strategi komunikasi, dan strategi pembelajaran. Strategi pengeluaran amat berbeza sekali dengan strategi-strategi lain kerana tidak ada unsur tolak ansur dari segi makna dalam aspek interaksi. Menurut Tarone (1981) strategi komunikasi adalah bersifat koperatif. Sekiranya penutur dan pendengar tidak mempunyai pengetahuan linguistik yang sempurna, perundingan makna amat diperlukan untuk membolehkan pendengar memahami dengan jelas mesej yang ingin disampaikan.

Terdapat beberapa sebab bagi kewujudan jurang dalam sistem semantik dan sistem linguistik di antara penutur dan pendengar. Antara sebab ialah, di dunia ini tidak terdapat seorang pun menguasai sepenuhnya linguistik leksikon sesuatu bahasa oleh penutur asli mahupun pelajar bahasa kedua. Sesiapa pun boleh mengalami memory lapse (kehilangan memori) pada bila-bila masa sahaja semasa pertuturan. Selain itu sistem semantik seseorang tidak sama dengan orang lain. Maka strategi komunikasi

dianggap sebagai satu jambatan untuk mengatasi jurang dalam situasi komunikasi yang sebenar.

Claus Faerch & Gabriele Kasper (1983) dalam penulisan mereka yang bertajuk '*Plans And Strategies In Foreign Language Communications*' mengutarakan pandangan mereka terhadap strategi komunikasi. Mereka telah menyatakan konsep strategi komunikasi yang diutarakan oleh Corder (1983) sebagai satu tindakan berpotensi yang dilakukan dalam keadaan sedar untuk menyelesaikan masalah komunikasi bagi mencapai matlamat komunikasi. Mereka juga menyatakan terdapat dua jenis matlamat komunikasi. Pertama adalah matlamat yang mudah untuk dicapai dan kedua adalah matlamat sukar untuk dicapai oleh penutur. Mereka juga menyatakan strategi komunikasi ada dalam diri setiap orang. Terpulang kepada penutur untuk menggunakan strategi komunikasi sekiranya menghadapi masalah semasa komunikasi.

Selain itu, mereka juga mengutarakan bahawa usaha untuk menyelesaikan masalah bergantung kepada penutur diri sendiri. Penutur boleh membuat dua pilihan sama ada meneruskan komunikasi dengan menggunakan strategi komunikasi atau menamatkan komunikasi dengan menggunakan strategi pengelakan tanpa mencapai matlamat komunikasi (Faerch & Kasper, 1983 : 37).

Bialystrok (1983 :105) pun turut membuat kajian terhadap sekumpulan pelajar yang mempelajari bahasa Prancis sebagai bahasa kedua. Melalui kajian beliau dapati strategi komunikasi yang berlandaskan bahasa kedua adalah lebih berkesan berbanding strategi-strategi lain. Ini bermaksud pelajar yang mengetahui bahasa kedua lebih dan berkebolehan menyesuaikan strategi komunikasi dan mempraktikkannya kepada kecakapan linguistik yang merupakan strategi komunikasi yang berjaya.

“The best strategy user, on the other hand, are these who have adequate formal proficiency in the target language and are able to modify their strategy selection to account for the nature of the specific concept to (Bialystrok, 1983: 116)

Selain itu terdapat juga sarjana barat yang mengkaji satu jenis strategi komunikasi sahaja. Contohnya Palmberg(1984) membuat kajian tentang strategi pengelakan. Vardi (1983) pula menumpukan perhatian pada strategi pengubahsuaian mesej. Snow dan rakan-rakannya (1989) pula mengkaji tentang strategi komunikasi kanak-kanak dalam sesuatu interaksi.

Satu kajian perbandingan antara strategi pengurangan dan strategi pencapaian yang berpandukan taksonomi yang dikemukakan oleh Fearch & Kasper (1983). Kajian ini dilakukan terhadap beberapa orang pelajar. Melalui kajian didapati bahawa penutur asli telah membuat beberapa penyesuaian formal dan pengelakan bagi memastikan matlamat komunikasi tercapai

Hasil kajian-kajian strategi komunikasi yang dilakukan di luar negara, didapati definisi bagi strategi komunikasi dilihat melalui dua pendekatan berbeza iaitu pendekatan saling tindak (Taron,1980, 1983) dan pendekatan psikolinguistik (Faerc,1983). Dalam saling tindak wujud pula perundingan maksud sebagai usaha bersama antara penutur dan pendengar untuk berkomunikasi. Manakala dalam psikolinguistik kerjasama tidak dititik beratkan tetapi keutamaan diberi kepada masalah yang dihadapi oleh penutur.

2.5 Kajian Dalam Negara

Kajian terhadap bidang strategi komunikasi di Malaysia mula mendapat perhatian pengkaji-pengkaji tempatan pada tahun 1990-an. Banyak kajian berkaitan dengan aspek-aspek strategi komunikasi telah dijalankan dan dilaporkan. Penyelidikan mula dijalankan terhadap pelajar-pelajar tempatan dalam sistem bahasa antaranya semasa berkomunikasi. Malaysia dengan rakyatnya yang berbilang bangsa dan bahasa telah menjadi satu platform yang baik bagi ramai pengkaji tempatan untuk membuat kajian strategi komunikasi.

Antara pengkaji tempatan yang telah membuat kajian strategi komunikasi ialah Noriah Mohammad (1987). Beliau dalam kajiannya bertajuk *Strategi Pelajar Iban Ketika Berkomunikasi Dalam Bahasa Malaysia* telah mengkaji tentang strategi komunikasi. Dalam kajian beliau dapati pelajar-pelajar mula menggunakan strategi komunikasi apabila menghadapi masalah komunikasi. Semasa berinteraksi dalam Bahasa Melayu. Penyelidikan ini telah dijalankan ke atas 15 orang pelajar Iban yang belajar di sebuah kolej di Miri, Sarawak. Kesemua pelajar adalah berbangsa Iban. Bahasa Iban adalah bahasa ibunda mereka. Bahasa kedua mereka adalah Bahasa Melayu. Data mentah pertuturan pelajar-pelajar Iban itu di kumpul dan telah dianalisis. Pengkaji dalam kajian menumpukan perhatian kepada strategi komunikasi pencapaian dari aspek sebutan, bunyi dan leksikal.

Dalam penyelidikan Noriah, pelajar-pelajar dikehendaki menceritakan perihal topik melalui nota pendek yang telah disediakan oleh mereka. Nota pendek tersebut ditranskripsikan secara fonetik. Sebutan pelajar-pelajar Iban tersebut dibandingkan dengan sebutan Bahasa Malaysia standard. Dalam kajian Noriah dapati terdapat strategi

komunikasi yang digunakan telah menghasilkan sebutan yang salah berbanding sebutan Bahasa Melayu standard.

Kajian mengenai aspek fonologi juga menunjukkan strategi pemindahan negatif dan strategi pemindahan positif bunyi. Strategi pemindahan bunyi ini merangkumi bunyi-bunyi vokal, bunyi-bunyi konsonan, dan diftong. Bidang leksikal pula diteliti dari dua sudut. Pertama melibatkan strategi yang berasaskan bahasa ibunda yang melibatkan pemindahan leksikal bahasa ibunda. Kedua pula strategi berasaskan bahasa kedua yang melibatkan proses parafrasa, penjedaan dan pengulangan, membaiki kesilapan, mengetepikan mesej dan membuat rayuan.

Caroline Marie Choo (1988), dalam hasil penyelidikan yang bertajuk '*A Descriptive Study Employed By Some Preschool Children*' telah mengkaji tentang strategi penghampiran dan strategi penciptaan perkataan. Kajian ini telah dilakukan terhadap 17 orang kanak-kanak pra sekolah di Tadikum (Tadika UM). Beliau membuat kajian terhadap strategi penghampiran dari dua aspek iaitu strategi penghampiran semantik dan strategi penghampiran formal. Secara keseluruhan kajian mengkaji tahap kecekapan (*Competence*), pelaksanaan (*performance*) dan kesan (*effectifness*) strategi komunikasi kanak-kanak tersebut.

Satu kajian perbandingan telah dilakukan oleh Rohani Ibrahim(1990) untuk tesis Ph.Dnya '*How Do They communicate? A comparative Study Of The Communication Strategies In English Of Some Malaysian & British University Undergraduates.*' Kajian strategi komunikasi ini telah dilakukan untuk membuat perbandingan antara penutur asli Bahasa Inggeris dan orang tempatan. Analisis data kajian memaparkan penggunaan strategi pencapaian dan strategi pengelakan. Kedua-dua strategi ini

digunakan dengan meluas dalam kalangan pelajar-pelajar bagi mencapai matlamat komunikasi.

Ong Kin Suan (1990) dalam tesis sarjananya '*A Study Of Code Switching Among Biligual Malaya Student In Urban Secondary School*', telah melakukan kajian ke atas pelajar-pelajar yang menguasai dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Dalam kajian beliau dapati pelajar-pelajar Melayu suka menggunakan strategi penukaran kod semasa berkomunikasi. Dalam kajian juga didapati sampel kajian menggunakan strategi komunikasi semasa berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam keadaan tidak sedar tanpa perancangan bagi mencapai tujuan komunikasi.

Ang Lay Hoon (1992) dalam penyelidikan yang berjudul '*Strategi Komunikasi Orang-Orang Cina Dalam Bahasa Malaysia*' telah mengkaji aspek-aspek strategi komunikasi. Seramai 120 orang pelajar Cina Malaysia yang mempelajari Bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua telah dipilih sebagai responden bagi kajian. Perlakuan lisan pelajar-pelajar sewaktu aktiviti komunikasi telah dirakam. Hasil kajian didapati kesemua responden telah menggunakan pelbagai strategi komunikasi bagi memastikan komunikasi berlaku dengan lancar tanpa sebarang gangguan.

Strategi pencapaian dan strategi pengelakan telah digunakan dengan banyak oleh responden. Strategi tidak berasaskan bahasa kedua dan strategi rayuan telah digunakan oleh responden. Strategi pengelakan mesej dan strategi peninggalan topik juga telah digunakan dengan banyak. Semasa berkomunikasi responden menggunakan strategi komunikasi untuk mencapai matlamat komunikasi iaitu penyampaian mesej kepada pendengar. Ketetapan tatabahasa diketepikan dalam mencapai matlamat komunikasi

Walaupun responden lemah dalam penguasaan bahasa Melayu tetapi dengan bantuan strategi komunikasi mereka berjaya menyampaikan mesej kepada pendengar.

Selain itu pengkaji juga mengesan tiga jenis strategi baru iaitu strategi tanya balik, strategi pra linguistik dan strategi penghampiran bunyi. Dalam strategik tanya balik soalan, persoalan dilontarkan kepada pendengar untuk mencari istilah yang sesuai untuk menampung pertuturan. Strategi tanya balik boleh digolongkan ke dalam strategi rayuan kerjasama secara langsung. Strategi pengujaran perkataan hampir sama dengan fonetik perkataan asal juga digunakan dalam kajian ini. Dalam kajian responden menggunakan strategi apabila menghadapi masalah ujaran. Mereka menggunakan bunyi yang paling hampir dengan bunyi asal.

Seterusnya Aminah Mahmud (1996), telah membuat kajian dalam bidang yang sama. Tajuk tesis beliau ialah *Strategi Komunikasi Pelajar-Pelajar Dalam Pertuturan Bahasa Inggeris*. 24 orang pelajar Melayu tahun pertama di Institut Teknologi Mara (ITM) Shah Alam dipilih sebagai Informan bagi kajian ini. Faktor pendorong penggunaan strategi komunikasi dan mengenal pasti jenis strategi komunikasi telah menjadi objektif utama kajian tersebut. Taksonomi strategi komunikasi bagi kajian ini adalah daripada pengubahsuaian kerangka yang dihasilkan oleh Tarone (1977), Bialystrok (1983) dan Fearch & kasper (1983 a).

Tiga aktiviti lisan diberikan kepada Informan. Tugas lisan berpandukan gambar, separuh berpandu dan perbualan merupakan antara tugas lisan yang diberikan kepada informan dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan informan yang pandai banyak menggunakan strategi penghampiran untuk mencapai matlamat komunikasi. Informan-informan yang lemah pula suka menggunakan strategi jeda, strategi pengulangan, strategi pengelakan topik, strategi pengulangan, strategi terjemahan literal, strategi

penghampiran, strategi terjemahan literal, strategi penukaran kod, strategi rayuan kerjasama dan strategi bukan verbal adalah antara strategi yang dijumpai dalam kajian ini.

Kajian mengenai pelajar-pelajar dialek Kelantan telah dijalankan oleh Ghazali Ibrahim (1997). Strategi pengelakan topik, strategi peninggalan mesej, strategi rayuan kerjasama dan strategi penukaran kod merupakan antara strategi-strategi yang dijumpai dalam kajian ini. Dua bentuk strategi komunikasi baru juga dijumpai dalam kajian ini. Strategi pengambilan masa dan strategi agakan merupakan dua bentuk strategi komunikasi yang dijumpai dalam kajian ini.

Melalui kajian beliau dapati strategi pengambilan masa berlaku apabila pelajar berhenti seketika semasa berkomunikasi untuk berfikir atau untuk mengingat kembali mesej yang diperlukan untuk meneruskan komunikasinya. Satu lagi strategi ialah strategi agakan. Menurut Ghazali strategi agakan ini biasanya ditandai dengan ungkapan '*saya rasa..*', '*kemungkinan besar..*' dan sebagainya.

Azmi Ibrahim(1998) merupakan seorang lagi pengkaji yang telah membuat kajian terhadap '*Strategi Komunikasi Pelajar-Pelajar Dialek Kelantan Dalam Bahasa Melayu*'. 30 orang pelajar tingkatan 5 telah dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Aktiviti lisan seperti perbincangan, perbahasan, temu duga, wawancara dan temu ramah telah dijalankan untuk mendapat data kajian. 429 ujaran dirakam. Selain itu aspek lain seperti perlakuan tanpa suara seperti senyuman, ketawa, tersengih, menggaru kepala, dan mendiamkan diri juga turut dikaji. Masalah dengan bahasa dan penyampaian mesej kepada pendengar telah menjadi dua faktor utama kepada penggunaan strategi komunikasi.

Shamala Paramasiram(1998) untuk tesisnya yang berjudul '*A typology And Description Of The Communication Strategies Of Group Of Malaysian Learner Of English*' telah membuat penyelidikan tentang strategi komunikasi yang berasaskan fahaman psikolinguistik digunakan dalam kajian ini. Tiga aktiviti lisan telah digunakan dalam kajian ini. Semua maklumat yang dikumpulkan dianalisis menggunakan taksonomi Poulisse. Strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu '*interaction*', '*reduction*', dan '*achievement*'. Hasil kajian menunjukkan strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar telah menolong dalam pembelajaran bahasa kedua.

Roslina Mamat (1999) pula melakukan penyelidikan terhadap penggunaan strategi komunikasi dalam bahasa Jepun oleh pelajar-pelajar Melayu di Pusat Kajian Teknikal Jepun, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur. Subjek kajian adalah seramai 20 orang. Mereka dibahagi kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama adalah pelajar semester kedua yang bertahap rendah. Kumpulan kedua pula adalah pelajar-pelajar semester keempat yang bertahap tinggi. Objektif utama kajian adalah untuk melihat jenis strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar semasa proses pembelajaran bahasa Jepun.

Alat perakam video digunakan untuk merakam aktiviti lisan. Menghuraikan gambar yang diberi, memainkan peranan(play role) dan melakukan perbincangan dalam kumpulan merupakan antara aktiviti lisan yang diberikan kepada sampel. Taksonomi Tarone (1977) telah digunakan dalam kajian ini.

Strategi bukan linguistik telah menjadi pilihan subjek dalam menyampaikan mesej kepada pendengar. Beliau juga mendapati bahawa pelajar tahap rendah gemar menggunakan strategi pengelakan berbanding pelajar tahap tinggi yang kurang menggunakannya. Peratus penggunaan terjemahan literal adalah rendah berbanding strategi lain. Pelajar tahap menggunakan strategi ini adalah 7% berbanding pelajar tahap tinggi langsung tidak menggunakannya. Kesimpulan kajian ini menunjukkan pelajar tahap rendah masih terpengaruh dengan bahasa ibunda mereka iaitu Bahasa Melayu. Sedangkan pelajar tahap tinggi dapat menerap bahasa Jepun sebagai bahasa asing.

Rozita Mustafa (2003) dalam kajiannya menyelidik cara berkomunikasi pelajar-pelajar Fakulti Perubatan UKM. Kajian ini dilakukan di kalangan tiga kumpulan etnik iaitu Melayu, Cina, dan India. Hasil penyelidikan menunjukkan semua pelajar menggunakan strategi yang sama iaitu strategi berasaskan bahasa pertama iaitu bahasa ibunda. Latar belakang budaya dan kemahiran bahasa tidak mempengaruhi penggunaan strategi komunikasi.

Amilrudin Isyak(2003) menerusi penyelidikannya *Strategi Komunikasi Bahasa Arab Di kalangan Pelajar Melayu* telah mengenal pasti dan membuat analisis tentang strategi komunikasi. Seramai 70 orang pelajar dari kolej Kuantan yang berada semester keempat telah dipilih sebagai subjek bagi kajian ini.

Forum, perbualan telefon, lakonan, bercerita dan memberi taklimat merupakan antara aktiviti lisan yang telah dijalankan dalam kajian tersebut. Bagi mendapat data yang telus segala aktiviti lisan telah dirakam oleh pengkaji. Strategi-strategi yang dikenal pasti dikategorikan kepada tiga kategori utama iaitu strategi komunikasi berasaskan Bahasa

kedua (Bahasa Arab), strategi komunikasi berasaskan bahasa Ibunda dan strategi komunikasi berasaskan non verbal.

Strategi penggunaan perkataan tidak betul adalah sebanyak 475 kes berbanding strategi-strategi lain. Jumlah strategi penjedaan adalah sebanyak 118 kes. Manakala strategi penghampiran dan strategi pengulangan mencatatkan jumlah kes yang sama banyak iaitu 72 kes. Sementara itu strategi berasaskan bahasa ibunda adalah sangat sedikit berbanding jumlah keseluruhan. Ini kerana pelajar-pelajar tersebut lebih memberi keutamaan kepada strategi-strategi yang berasaskan Bahasa Arab semasa mereka menyelesaikan masalah komunikasi.

Communication Strategies In Japan Language Interaction Among Malaya Student At University of Malaya adalah hasil penyelidikan Suzana Ismail (2004). Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi-strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar-pelajar Melayu semasa berkomunikasi dalam bahasa Jepun. Kerangka teori bagi kajian ini adalah adaptasi dari taksonomi yang dicadangkan oleh Celec-Murcia Dornyei & Scott (1997), Tarone (1977) dan Paribakht (1985). Hasil kajian menunjukkan penggunaan strategi berbeza mengikut tahap kecekapan peserta dan tugas yang diberikan.

Nor Fariza Mohd Nor (2009) dalam kajian strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar Malaysia yang mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kajiannya tertumpu kepada strategi komunikasi yang digunakan sewaktu interaksi secara lisan. Aktiviti lisan ini yang terlibat ialah perundingan, perdebatan, memberi pendapat yang bertentangan, memberi pendapat persetujuan. Aspek interaksi komunikasi juga dikaji bagi

memahami bagaimana strategi tersebut memberi sumbangan kepada penyelesaian masalah apabila menghadapi masalah komunikasi.

Penyelidikan ini berteraskan teori Strategi komunikasi yang berlandaskan interaksi (Interactional Conceptualization Of Communication Strategies). Rakaman audio, pita video, analisis transkripsi, pemerhatian semasa penyelidikan, temu bual, secara retrospektif dan juga soal selidik telah digunakan dalam kajian. Taksonomi strategi komunikasi yang berdasarkan taksonomi Dornyei&Scott(1997) telah digunakan dalam penyelidikan.

Abdul Rahman bin Abdullah(2009) melalui tesis Ph.Dnya juga telah melakukan kajian tentang strategi komunikasi. Melalui tesisnya yang bertajuk '*Kompetensi Komunikasi dan strategi komunikasi Bahasa Antara di kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Negeri Selangor*'. Dalam kajian beliau juga ingin melihat hubungan antara beberapa pemboleh ubah terpilih dengan tahap kompetensi komunikatif pelajar. Selain itu beliau juga dalam kajian telah mengenal pasti halangan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar semasa berkomunikasi dalam Bahasa Arab. Selain itu beliau juga ingin mengenal pasti bentuk strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar sewaktu menyampaikan mesej tanpa sebarang gangguan.

Vikneshwary Manooaran (2012) dalam penyelidikannya yang bertajuk '*Strategi Kesopanan Dalam komunikasi Di Tempat Kerja*' telah membuat penyelidikan terhadap isu kesopanan dalam komunikasi di kalangan guru-guru. Kajian telah dijalankan di sebuah Sekolah Rendah Tamil yang terletak di Daerah Kulai. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengetahui strategi kesopanan dalam komunikasi antara pegawai atasan dan guru-guru semasa mengendalikan mesyuarat. Beberapa strategi kesopanan telah

dikenal pasti semasa komunikasi antara pegawai atasan dan guru-guru semasa pengendalian mesyuarat. Tiga belas orang guru telah dipilih sebagai responden bagi kajian ini.

Kajian yang berbentuk tinjauan deskriptif ini juga melibatkan empat orang pegawai jawatan tertinggi dalam organisasi iaitu guru besar, guru penolong kanan pentadbiran, guru penolong kanan pentadbiran hal ehwal murid, dan guru penolong kanan kokurikulum. Melalui kajian pengkaji berjaya mengenal pasti beberapa strategi komunikasi kesopanan yang kerap digunakan. Pengkaji juga mendapati pihak pengurusan membuat permintaan secara sopan dengan meminta secara terus terang tanpa sebarang kiasan.

Ma'sum Mohammad (2012) melalui penyelidikannya yang bertajuk '*Strategi Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Di Jakarta*'. Objektif utama kajian ini ialah memberi satu huraian yang bukan berbentuk penilaian supaya memberi kefahaman yang lebih baik terhadap masalah dan penyelesaian dalam penterjemahan mainan kata daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Cina. Buku terjemahan tersebut ialah '*Alice's Adventures In Wonderland* hasil karya Chao Yuen Ren (1922). Semasa penyelidikan mainan kata dalam teks asal dianalisis dan dikategorikan mengikut dua kriteria iaitu struktur formal dan ciri-ciri linguistik.

Empat puluh mainan kata telah dikenal pasti dan dikategorikan daripada teks sumber. Kajian telah dijalankan berlandaskan kerangka penganalisan yang disyorkan oleh Delabastia pada 1993. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penterjemah hanya menggunakan tiga jenis strategi penterjemahan. Secara keseluruhan penterjemahan

Chao bukan sahaja setakat menterjemah makna permukaan tetapi berusaha mengekalkan penggunaan mainan kata dalam penterjemahan supaya gaya bahasa penulis teks asal dapat dipelihara.

2.6 Kesimpulan

Bab 2 ini membicarakan tinjauan kajian terdahulu yang melihat strategi komunikasi sebagai aspek utama kajiannya. Ternyata jelas aspek strategi komunikasi sentiasa berkembang dari masa ke masa.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Pada keseluruhannya kaedah kualitatif digunakan bagi menjalankan kajian ini. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan taksonomi strategi komunikasi yang diubah suai dan dikemaskinikan oleh Tarone (1983), Paribakt (1985), Faerch dan Kasper (1983), Varadi (1983) dan Bialystok (1983). Maklumat kajian seperti latar belakang sampel, pendekatan yang digunakan, pengumpulan data, pembinaan data-data, soal selidik, aktiviti lisan, pemerhatian dan cara membuat transliterasi data turut dibincangkan dalam bab ini.

3.2 Prosedur Kajian

Kajian ini mula dijalankan setelah mendapat kebenaran daripada guru besar. Pengumpulan data mengambil masa yang lama. Dua bulan telah digunakan untuk mentranskripkan data. Di bahagian lampiran dimuatkan beberapa transkrip sebagai contoh. Contoh-contoh transkrip yang dilampirkan itu banyak mengandungi strategi komunikasi yang digunakan oleh sampel, semasa pengajaran dan pembelajaran sains dalam bahasa Inggeris. Lampiran transkrip daripada sampel-sampel lain tidak dilampirkan kerana terlalu banyak untuk dijadikan sebagai bahan lampiran. Analisis strategi hanya dilakukan setelah semua transkrip disiapkan.

3.3 Lokasi

Kajian strategi komunikasi ini dijalankan di sebuah sekolah Tamil yang terletak di Subang Jaya, dalam Daerah Petaling Jaya. Kawasan Subang Jaya ini terletak 25 km dari Pusat Bandaraya Kuala Lumpur dan 30 km dari bandar Klang. Kawasan Subang Jaya adalah kawasan perumahan yang dimajukan oleh SIME Hartanah. Sebelum ini, kawasan Subang Jaya adalah kawasan ladang yang dikenali sebagai Ladang Seafield. Pada asalnya, sekolah ini terletak di ladang tersebut. Setelah Subang Jaya dimajukan sebagai kawasan perumahan, Sekolah tersebut telah ditempatkan di kawasan perumahan USJ 20 bersebelahan dengan Sekolah Kebangsaan USJ 20. 95% pelajar sekolah ini datang dari kawasan perumahan pangsapuri Desa Ria dan Desa Mentari yang terletak di Taman Dato Harun. Sampel-sampel yang datang dari tempat ini hidup serba kekurangan. Kebanyakan ibu bapa sampel-sampel tersebut bekerja sebagai buruh. Jumlah pendapatan isi rumah adalah dalam lingkungan RM1500 hingga RM3000. Maklumat ini diperolehi hasil perbualan dengan guru besar sekolah tersebut semasa mendapat kebenaran untuk menjalankan kajian ini dan juga melalui maklumat dalam borang soal selidik.

Jumlah murid sekolah ini adalah seramai 250 orang. Sebanyak 16 orang guru mengajar di sekolah ini. Tujuan lokasi ini dipilih adalah kerana sampel-sampel yang dipilih itu mudah bekerjasama dengan penyelidik kerana guru sains yang mengajar sains tahun enam itu adalah kawan lama pengkaji. Di samping itu, sekolah tersebut adalah berdekatan dengan rumah penyelidik iaitu dalam lingkungan 7 KM sahaja. Ini memudahkan penyelidik membuat penyelidikan di tempat kajian.

3.4 Sampel Kajian

Seramai 70 orang sampel telah dipilih untuk kajian. 70 orang ini adalah murid-murid tahun enam sekolah tersebut. Daripada jumlah ini, 45 orang adalah murid lelaki dan 25 orang adalah murid perempuan. Semua sampel ini berumur dua belas tahun. Semua sampel adalah murid-murid tahun enam. Semasa kajian semua sampel berkongsi beberapa ciri umum secara bersama.

Semua sampel adalah berbangsa India yang dilahirkan di Malaysia. Dari segi penggunaan bahasa semua sampel menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa utama dalam percakapan harian mereka. Di rumah mahupun di sekolah kesemua sampel kajian menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa utama. Maklumat ini diperolehi melalui soal selidik. Jika dikaji dari segi pengetahuan tentang bahasa Inggeris, semua sampel kajian mempunyai pengetahuan untuk bertutur dan bertulis dalam bahasa Inggeris. Maklumat ini diperolehi daripada soal selidik. Namun kebanyakan daripada mereka menghadapi masalah semasa bertutur dalam Bahasa Inggeris. Maklumat ini telah diperolehi hasil perbualan dengan guru bahasa Inggeris sekolah tersebut. Menurut beliau mereka tidak berpeluang untuk bercakap dalam bahasa Inggeris dalam pertuturan seharian mereka. Ini disebabkan semua sampel sudah begitu biasa menggunakan bahasa Tamil dalam pertuturan seharian mereka. Jika dikaji tahap akademik sampel-sampel kajian, kesemuanya adalah murid-murid tahun enam yang bakal menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

3.5 Prosedur Pengumpulan Data Kajian

Instrumen bagi kajian ini adalah berbentuk panduan membuat aktiviti dalam kertas dan soal selidik berstruktur.

3.5.1 Rakaman Audio/Video

Pengkaji juga telah meminta kebenaran daripada guru sains tahun enam yang akan terlibat dengan kajian. Pengkaji juga telah meminta jadual waktu untuk memastikan waktu mata pelajaran sains untuk menjalankan rakaman pengajaran dan pembelajaran. Setelah meneliti jadual waktu pengkaji menetapkan masa untuk membuat rakaman sesi pengajaran dan pembelajaran seperti di bawah:

Jadual 3.1: Rakaman Sesi Pengajaran Dan Pembelajaran Sains

Hari	Masa	Kelas
Isnin	8.30-9.30	6 Dahlia
Selasa	7.30-8.30	6 Ros
Rabu	12.00-1.00	6 Dahlia
Khamis	12.00-1.00	6 Ros

Pengkaji juga telah memaklumkan kepada sampel kajian tentang kajian ini sebelum membuat rakaman. Pada 8 Januari 2011 bersamaan hari Jumaat pengkaji telah mengumpulkan sampel-sampel kajian di Dewan Sang Kancil sekolah dan telah memberi penerangan tentang kajian ini. Masa dan tarikh rakaman tidak diberitahu kepada sampel-sampel kajian. Pengkaji membuat demikian untuk mendapat data tulen daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Memandangkan kajian ini mengkaji strategi komunikasi murid, maka kajian ini memerlukan data lisan untuk dianalisis.

Semasa pengajaran dan pembelajaran sains dalam bahasa Inggeris rakaman mula dilakukan di dalam bilik darjah. Rakaman dilakukan selama satu jam setiap sesi pengajaran. Guru komputer sekolah telah membantu untuk membuat rakaman. Rakaman dilakukan dari hadapan kelas. Walaupun murid-murid sedar bahawa pertuturan mereka dirakam namun murid-murid tidak takut dan rasa kekok. Kajian bagi penyelidikan ini telah dijalankan selama 7 bulan iaitu dari bulan Januari 2010 hingga Julai 2010. Banyak masa telah digunakan untuk membuat rakaman video. Ini adalah untuk mendapatkan data strategi yang tepat.

Setelah semua rakaman selesai, rakaman tersebut ditayangkan semula dan diperhatikan oleh pengkaji. Rakaman tersebut akan dihentikan di tempat-tempat yang dipercayai wujud penggunaan strategi komunikasi. Murid-murid dipersoalkan untuk mengetahui tujuan mereka berbuat demikian. Kajian introspektif ini dilakukan untuk mendapat kepastian secara langsung daripada sampel berkenaan sebab mereka berbuat demikian. Kajian introspektif telah dijalankan semasa waktu rehat. Murid-murid yang telah menggunakan strategi sahaja dipanggil ke bilik audio video untuk disoal jawab. Murid-murid berkenaan diminta memerhatikan tayangan video dan telah disoal jawab oleh pengkaji.

Rakaman audio telah dibuat untuk mendapatkan data bagi kajian ini. '*Mini Cassate Recorder*' dan *alat perakam mini MP4* telah digunakan. Alat perakam kecil itu akan ditempatkan di meja guru yang terletak di hadapan kelas. Alat perakam mini MP4 telah digunakan untuk merekod segala perbuatan murid-murid seperti mimik muka. Manakala, pengkaji akan duduk di belakang lalu memerhatikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sambil membuat nota pemerhatian. Tempoh rakaman adalah selama satu

jam. Rasional penggunaan dua alat perakam adalah untuk merekod sebarang kegiatan tidak verbal (non verbal) diambil kira dalam pengumpulan data.

3.5.2 Borang Soal Selidik

Sampel juga dibekalkan dengan borang soal selidik untuk mengetahui latar belakang keluarga, persekitaran serta pendapat tentang pembelajaran sains dalam bahasa Inggeris. Borang soal selidik tersebut dihasilkan dalam bahasa Malaysia. Borang soal selidik telah diedarkan oleh pengkaji sendiri. Sampel telah diberi masa selama satu jam untuk diisi. Pengkaji juga telah menerangkan tentang borang soal selidik kepada murid-murid. Murid mengisi maklumat mereka dalam borang tersebut tanpa menulis nama mereka. Borang soal selidik ini dikemukakan untuk mengetahui maklumat latar belakang sampel, kefasihan bahasa Inggeris, pengetahuan dan penggunaan bahasa dalam kehidupan seharian. Sampel diminta menandakan (/) pada maklumat yang sesuai dengan diri. Sebelum mentadbirkan soal selidik, pengkaji telah menyediakan borang soal selidik yang mengandungi dua puluh enam soalan. Pengkaji telah menghasilkan soalan-soalan tersebut dalam Bahasa Malaysia kerana pengkaji tidak tahu Bahasa Tamil. Semasa mentadbirkan soal selidik pengkaji telah meminta bantuan guru bahasa Tamil tahun enam untuk menjelaskan dalam bahasa Tamil.

Soal selidik telah dijalankan dalam kajian ini untuk memastikan sampel dapat memberi tiga cabang maklumat. Latar belakang sampel, kekerapan penggunaan Bahasa Inggeris dan pendedahan kepada bahasa tersebut. Latar belakang murid-murid amat diperlukan. Maklumat ini mengukuhkan lagi maklumat yang berkaitan dengan pencapaian dan penggunaan Bahasa Inggeris. Antara maklumat yang dikutip dalam latar belakang sampel ialah tempat tinggal, pekerjaan ibu bapa, maklumat tentang tadika yang

dipelajari, bahasa yang digunakan di rumah, bahasa yang digunakan untuk berhubung dengan kawan-kawan di sekolah, bahasa yang diguna untuk berhubung dengan rakan-rakan yang tinggal berhampiran dengan rumah. Gred yang diperolehi bagi mata pelajaran bahasa Inggeris dalam peperiksaan akhir tahun juga diberi dalam borang soal selidik. Soal selidik dapat membantu pengkaji merumuskan maklumat-maklumat penting untuk kajian.

3.5.3 Temu bual

Temu bual dengan guru besar, guru sains tahun enam dan guru bahasa Inggeris telah dijalankan oleh pengkaji seminggu sebelum rakaman dijalankan. Tujuannya adalah untuk mendapat maklumat-maklumat tambahan seperti pencapaian sains dalam UPSR tahun-tahun sebelum dan pencapaian mata pelajaran sains semasa diajar dalam bahasa ibunda. Pengkaji juga telah menemu bual guru besar sekolah ini untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi dalam proses pembelajaran dan pengajaran sains dalam bahasa Inggeris. Pengkaji juga telah menemu bual sampel-sampel kajian untuk mendapat tujuan mereka melakukan sesuatu pergerakan badan, bunyi dan mimik muka. Data transkripsi dialog tersebut dilampirkan di bahagian lampiran.

3.6 Pengumpulan Data

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran telah dirakamkan. Situasi-situasi yang menunjukkan penggunaan strategi komunikasi ditranskripsikan dan data yang bersesuaian dikumpulkan bagi tujuan kajian. Selaras dengan skop dan objektif kajian ini data lisan diperlukan sebagai data untuk mengkaji. Data lisan sahaja dikumpulkan kerana ia dapat memperlihatkan jenis strategi komunikasi yang digunakan secara

langsung ataupun secara tidak langsung. Data bertulis tidak diambil kira kerana ia tidak dapat memperlihatkan penggunaan strategi komunikasi secara menyeluruh. Maka data lisan sahaja dikutip. Tambahan pula, sampel akan menggunakan banyak strategi komunikasi semasa komunikasi kerana mereka mempunyai masa yang singkat. Selain itu, mereka juga mempunyai pengetahuan linguistik yang terhad. Untuk mendapatkan data lisan bagi kajian, tiga jenis tugas dilakukan iaitu:

- i. tugas lisan berpandu
- ii. tugas lisan separuh berpandu
- iii. tugas perbualan berpandu

3.6.1 Tugas Lisan Berpandukan

Tugas lisan berpandukan gambar ini merupakan satu penerangan yang berdasarkan gambar untuk melihat dan meninjau cara sampel menyampaikan mesej dalam Bahasa Inggeris kepada kelas. Sebelum tugas lisan dijalankan murid-murid dibahagikan kepada kumpulan yang mengandungi 5 orang. Bilangan yang kecil dalam satu kumpulan memberi peluang kepada setiap sampel untuk mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut. Setiap kumpulan diberi gambar dan arahan untuk dilakukan. Sampel-sampel diberi masa selama 10 minit untuk dibincangkan dalam kumpulan.

Pada gambar itu, cuma terdapat satu arahan sahaja. Sampel tidak dibekalkan dengan apa-apa maklumat mengenai gambar tersebut. Selepas 10 minit, setiap kumpulan diminta tampil ke hadapan untuk membincangkan dalam bahasa Inggeris isi kandungan gambar tersebut mengikut arahan yang terdapat dalam gambar tersebut. Semasa perbincangan sampel dibenarkan merujuk kepada gambar yang telah dibekalkan itu.

Semasa perbincangan tentang gambar yang diberi sampel telah menggunakan beberapa strategi komunikasi bagi melancarkan perjalanan perbincangan. Ada kala pendengar membantu sampel dalam melancarkan topik yang dibincangkan apabila sampel mengalami kesukaran leksikal ataupun sampel meminta bantuan secara tidak langsung.

3.6.2 Tugas Lisan Separuh Berpandu

Semasa aktiviti tugas lisan separuh berpandu ini, sampel ditugaskan untuk bercakap mengenai sesuatu topik dan membuat eksperimen. Tajuk eksperimen ialah '*The Effect Of Smoking*'. Tajuk bagi tugas ini telah diberi oleh guru sains tahun enam. Tajuk ini telah diberi seminggu sebelum rakaman video dilakukan. Sebelum tugas lisan dijalankan murid-murid dibahagikan kepada kumpulan yang mengandungi 5 orang seperti tugas lisan yang pertama.

Sampel bercakap dalam Bahasa Inggeris di hadapan kelas sambil membuat eksperimen. Sampel perlu melakukan eksperimen sambil memberi penjelasan bagi setiap tindakan mereka. Penjelasan diberi kepada setiap langkah eksperimen menggunakan Bahasa Inggeris oleh sampel. Eksperimen yang mereka lakukan adalah eksperimen mudah. Eksperimen yang boleh memberi tindak balas bagi eksperimen dalam masa yang singkat. Setiap sampel diberi masa lima belas minit untuk melakukan eksperimen ini. Walau bagaimanapun, ada sampel yang terlalu asyik bercakap sehingga melebihi masa yang diperuntukkan. Keadaan sedemikian menunjukkan bahawa sampel tersebut lebih berkeyakinan dan berkebolehan menggunakan Bahasa Inggeris untuk menyampaikan maksud.

3.6.3 Tugas Perbualan Berpandu

Dua hari sebelum rakaman video untuk sesi soal jawab murid-murid telah diarah guru sains untuk membaca satu tajuk baru dan mencari maklumat bagi tajuk tersebut. Tajuk tersebut ialah '*The Survival of Species*'. Pada hari rakaman video, sebelum memulakan tajuk '*The Survival of Species*', guru sains telah memberi sedikit penerangan tentang sesi tugas perbualan berpandu. Guru Sains meneruskan pengajaran dan pembelajaran sambil bersoal jawab dengan sampel. Semua sampel diminta menjawab soal yang dikemukakan itu. Soalan yang dikemukakan oleh guru sains kepada semua sampel. Ada soalan memerlukan jawapan panjang dan ada soalan yang memerlukan jawapan yang pendek.

3.7 Analisis Data

Data-data kajian ini diperoleh melalui tiga jenis instrumen yang digunakan dalam kajian. Tiga jenis instrumen tersebut adalah panduan menjalankan tugas, soal selidik dan panduan temu ramah. . Data linguistik diperoleh melalui ujaran lisan. Ujaran lisan ini diperolehi melalui tiga tugas lisan yang diberikan. Penerangan mengenai tugaasan lisan telah diberikan di awal bab ini. Data linguistik ini dilakukan secara kajian kuantitatif. Analisis data ini digunakan oleh penyelidik untuk menerangkan cara sampel mengatasi masalah komunikasi yang timbul semasa proses penyampaian mesej kepada pendengar. Prosedur analisis data kualitatif melalui tiga peringkat iaitu rakaman video, transliterasi ujaran lisan dan menganalisis bentuk- bentuk strategi komunikasi.

3.8 Transkripsi Data

Transliterasi data merupakan bahagian yang paling penting bagi kajian ini. Bahan yang dirakam dimainkan semula beberapa kali sebelum ditranskripsikan dalam bentuk tulisan

rumi. Pengkaji telah menggunakan simbol-simbol transliterasi yang diperkenalkan oleh Schenkein (1978) dengan merujuk pada tesis Gan Kheng Leng (2000). Simbol-simbol tersebut digunakan mengikut keperluan penyelidik.

Jadual 3.2 Simbol-simbol Transkripsi

Simbol	Bermaksud
/	Berhenti
//	Berhenti Lama
\	Mencelah
[]	Percakapan Serentak
()	Senyap
(())	Perlakuan bukan verbal dan gerak badan
::	Bunyi terakhir dipanjangkan
~	Bunyi Sengau
(.....)	Ujaran yang kurang jelas /tidak jelas
.....	Perbualan yang belum selesai
=	Menyambung pertuturan sebelum

3.9 Kriteria Mengenal Strategi Komunikasi

Dalam usaha menentukan yang manakah strategi komunikasi dan yang manakah bukan strategi komunikasi beberapa aspek telah diambil kira. Aspek-aspek yang diambil kira

ini adalah berdasarkan aspek-aspek yang dikemukakan oleh Tarone (1983). Ujaran dan ekspresi fizikal sampel telah diberi tumpuan. Kesemua ini dicatatkan sewaktu perhatian dibuat. Semasa membuat transliterasi data melalui rakaman video, pengkaji akan mengenal pasti strategi komunikasi berpandukan kriteria seperti berikut;

Jadual 3.3 : Kriteria Untuk Mengenal pasti Strategi Komunikasi

Kriteria	Jenis Strategi
Sampel mengeluarkan ujaran yang janggal yang bertentangan dengan tatabahasa Inggeris yang standard.	Strategi berdasarkan bahasa kedua
Sampel meminta pertolongan dari para pendengar semasa aktiviti lisan.	Strategi rayuan kerjasama
Sampel menggunakan unsur-unsur para linguistik dan bukan verbal seperti mimik muka, menggeleng kepala, menggaru kepala dan sebagainya	Strategi bukan linguistik
Sampel bersungguh-sungguh untuk menyampaikan mesej dengan berulang-kali menyebut perkataan yang sama	Strategi Pengulangan
Komunikasi tergendala sebentar.	Strategi pengelakan

3.10 Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis ini adalah untuk membolehkan kajian sebenar dijalankan tanpa sebarang masalah. Selain

itu, kajian rintis juga bagi memastikan tujuan kajian sebenar boleh dicapai atau tidak. Kajian ini bukan untuk mendapat jawapan muktamad kepada persoalan-persoalan kajian. Tiga minggu sebelum kajian sebenar dilakukan satu kajian rintis telah dijalankan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik telah diberikan kepada 10 sampel kajian. Kajian rintis ini perlu dilaksanakan bagi mencapai kepastian realistik soalan-soalan kajian. Kajian rintis ini juga dapat menentukan jangka masa yang diperlukan oleh pelajar untuk menjawab soal selidik dan mengikuti sesi aktiviti lisan yang dijalankan serta menentukan kesesuaian aktiviti komunikasi lisan dengan tujuan kajian. Sepanjang kajian dijalankan semua sampel telah memberi kerjasama baik. Hasil kajian rintis ini sedikit pengubahsuaian telah dilakukan terhadap borang soal.

Pendek kata, hasil dari kajian rintis menunjukan bahawa kajian penggunaan strategi komunikasi di kalangan pelajar India semasa pembelajaran Sains dalam Bahasa Inggeris boleh dilakukan dengan baik. Selain itu pengkaji telah mengenal pasti beberapa langkah yang perlu diambil bagi memastikan kelancaran ketika kajian sebenar dilakukan.

3.11 Kesimpulan

Pengkaji dalam bab ini berjaya menerangkan tentang prosedur kajian, latar belakang sampel, lokasi penyelidikan, tugas yang diberikan, soalan penyelidikan dan sebagainya. Pengkaji juga menyentuh tentang data yang dikumpulkan dan cara ia telah

dianalisis. Pengkaji akan menerangkan secara terperinci tentang analisis data dan contoh-contoh relevan dalam bab yang keempat.

BAB 4

PENGANALISISAN DATA

4.1 Pengenalan

Pada bab ini data dianalisis untuk menjawab soalan-soalan kajian yang memfokuskan pada jenis-jenis strategi, fungsi strategi-strategi tertentu dan faktor-faktor yang menggalakan penggunaan strategi-strategi tersebut.

4.2 Jenis-Jenis Strategi Komunikasi

Penggunaan bahasa yang betul dari segi sebutan, morfologi, sintaksis, semantik dan leksikal amat diperlukan untuk menghasilkan satu bentuk komunikasi yang berkesan. Kadang-kala, berlaku gangguan dalam penyampaian mesej kepada pendengar oleh penutur. Namun, setiap penutur mempunyai strategi komunikasinya yang tersendiri untuk mengatasi masalah tersebut. Cara atau langkah untuk mengatasi masalah ini disebut sebagai strategi komunikasi. Penyelidik mencatat secara terperinci ujaran-ujaran subjek yang berkaitan dengan strategi komunikasi. Kemudian, pengkaji menjeniskan strategi komunikasi yang telah digunakan oleh sampel berpandukan taksonomi taksonomi Tarone (1983), Paribakht (1985), Faerch dan Kasper (1983a), Varadi (1983) dan Bialystok (1983) yang telah diubahsuaikan mengikut keperluan kajian. Data transkripsi telah dijadikan bahan rujukan utama semasa menganalisis strategi komunikasi sampel semasa pembelajaran Sains dalam bahasa Inggeris.

Berikut adalah jadual yang menjelaskan strategi-strategi yang digunakan oleh murid-murid serta kekerapan semasa komunikasi dalam kelas mata pelajaran sains.

Jadual 4.1 : Jenis-Jenis Strategi Komunikasi Dan Kekerapan Penggunaannya

Jenis Strategi	Tugasan 1 %	Tugasan 2 %	Tugasan %	Jumlah %
Strategi Pencapaian				
Penukaran kod bahasa	3 (3.7)	3 (3.7)	1 (1.2)	7 (8.6)
Terjemahan literal	2 (2.5)	1(1.2)	0 (0.0)	3 (3.7)
Deskrips	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)
Rayuan secara langsung	4 (4.9)	2 (2.5)	4 (4.9)	10 (12.3)
Rayuan Secara tidak langsung	3 (3.7)	3 (3.7)	2 (2.5)	8 (9.9)
Strategi bukan verbal menggantikan ujaran	4 (4.9)	2 (2.5)	0 (0.0)	6 (7.4)
Strategi bukan verbal menyertai ujaran	2 (2.5)	2 (2.5)	1 (1.2)	5 (6.2)
Penghampiran	5 (6.2)	3 (3.7)	2 (2.5)	10 (12.4)
Strategi mencipta perkataan	3 (3.7)	2 (2.5)	1 (1.2)	6 (7.4)
Pengulangan	6 (7.4)	4 (4.9)	2 (2.5)	12 (14.8)
Strategi Pengelakan				
Strategi pengelakan topik	3 (3.7)	3 (3.7)	1 (1.2)	7 (8.6)
Strategi peninggalan mesej	2 (2.5)	2 (2.5)	3 (3.7)	7 (8.6)
Jumlah				81 (100)

Strategi-strategi komunikasi Jadual 4.1 dianalisis berdasarkan dua komponen besar iaitu strategi pencapaian dan strategi pengelakan. Dalam strategi pencapaian terdapat 10 jenis strategi dan dalam strategi pengelakkan terdapat 2 jenis strategi. Merujuk kepada jadual 4.1 ternyata bahawa sampel-sampel lebih suka menggunakan strategi pencapaian berbanding strategi pengelakan. Sejumlah 82.8% strategi pencapaian digunakan berbanding dengan strategi pengelakan hanyalah 17.2% sahaja. Ini jelas

menunjukkan bahawa sampel lebih mementingkan penyampaian mesej kepada para pendengar. Ini telah diperkukuhkan oleh kenyataan Tarone (1980) yang menyatakan bahawa strategi komunikasi adalah satu usaha kerjasama di antara penutur dan pendengar untuk mencapai matlamat komunikasi. Peratus penggunaan strategi pencapaian yang tinggi menunjukkan sikap positif yang mementingkan penyampaian mesej kepada pendengar daripada terus berputus asa dan berhenti memberi sesuatu mesej apabila menghadapi masalah komunikasi. Oxford & Nyikos, (1989) dalam kajian mereka berjaya membuktikan kenyataan ini. Menurut mereka penutur yang bermotivasi tinggi mempraktikkan strategi komunikasi secara konsisten untuk mencapai matlamat komunikasi mereka.

4.2.1 Strategi Pengulangan

Daripada penganalisan data (jadual 4.1) strategi yang paling banyak ditemui ialah strategi pengulangan. Sebanyak 14.8% strategi ini telah digunakan oleh sampel semasa pembelajaran sains dalam bahasa Inggeris. Pengulangan perkataan, frasa dan klausa adalah antara pengulangan yang kerap ditemui dalam kajian ini. Terdapat juga pengulangan keseluruhan ayat. Namun, pengulangan keseluruhan ayat ini tidak kerap berlaku. Sampel-sampel didapati menggunakan strategi ini apabila ingin mengambil masa untuk meneruskan komunikasi.

Contohnya seperti berikut:

T8UJ 7 M : *Elephants and rhin rhin..... rhin.....//rhinocoreses ah*

rhinocoreses have skin that are thick and hard to prevent their enemies from injuring them.

Dalam situasi di atas, sampel UJ7 telah mengulang suku kata 'rhin' sebanyak 3 kali untuk mengingatkan perkataan 'rhinocoreses'. Keadaan ini juga dianggap sebagai satu strategi untuk mengambil masa supaya UJ7 dapat meneruskan komunikasinya.

Selain itu pengulangan juga digunakan juga digunakan untuk menegaskan sesuatu maklumat ingin disampaikan oleh penutur.

Contohnya seperti berikut;

T5UJ 12 M : *Porcupines raise their long, long ,sharp, sharp, sharp tail no..no..no sharp spines when their enemies edvance towards them.*

Dalam contoh T5UJ12M sampel telah menggunakan kata-kata seperti 'long' dan 'sharp' beberapa kali untuk menjelaskan maklumat yang ingin disampaikan iaitu landak (Porcupines) mempunyai duri yang panjang dan tajam. Selain itu sampel juga mengulangi kata no Sampel T5 UJ12 telah mengulang perkataan adjektif 'no.' beberapa kali untuk menidakkan dan membetulkan jawapan yang salah. Sampel ingin membetulkan jawapan dengan menggantikan perkataa perkataan 'tail' kepada perkataan 'spines'. Ini disebabkan oleh kekurangan perbendaharaan kata.

Pengulangan perkataan ataupun bunyi juga dilakukan untuk memanjangkan masa bagi mencari leksim yang ingin diutarakan bagi penyambungan sesi perbualan.

Contohnya, seperti bawah:

T2UJ 12 M :*Smoking affects our health badly. Damages the lungs and causes difficulty breathing. Can causes lungs cancer. Cause bad breath and the teeth:.....ah stains the teeth.*

Dalam contoh di atas, UJ12 telah menggunakan pengulangan bunyi untuk memanjangkan masa supaya boleh meneruskan komunikasinya. UJ12 telah memanjangkan bunyi 'teeth..' untuk mencari perkataan seterusnya iaitu perkataan 'stain'.

Selain itu, strategi pengulangan juga digunakan untuk membetulkan penggunaan kata yang lebih sesuai mengikut konteks percakapan. Pengulangan dilakukan bagi memperbaiki kesilapan yang dilakukan semasa penyampaian maklumat kepada para pendengar.

T2UJ 6 M : *First we must take a empty bottle. The bottle must dry. Then we take scissors and put a hole into the mudi no..no..no..no.. the bottle cap. Yes onto the bootle cap. Then put a ciccrate in the hole.*

Dalam tugas dua ini, sampel T2UJ6 telah mengulangi perkataan 'no' untuk mencari perkataan yang sesuai untuk perkataan 'mudi'. Selepas pengulangan perkataan 'no' beberapa kali sampel UJ6 berjaya mencari istilah yang betul untuk 'penutup botol' iaitu 'bottle cap'. Secara tidak langsung sampel UJ6 telah menjadikan interaksi lebih berkesan. Jika dilihat secara keseluruhan, kajian strategi pengulangan telah menjadi pilihan ramai sampel. Mereka merasakan pemilihan strategi pengulangan ini sebagai satu jalan selamat dalam proses penyampaian maklumat kepada para pendengar.

4.2.2 Strategi Penghampiran

Seseorang sampel yang menghadapi masalah kekurangan leksikal biasanya akan memilih strategi penghampiran sebagai jalan penyelesaian mereka. Kenyataan ini dikukuhkan oleh Fakhri (1984). Daripada kajian beliau dapat penutur mengatsai masalah kekurangan kecekapan berbahasa dengan menggunakan perkataan-perkataan yang maksudnya hampir sama. Selain itu, sampel juga menggunakan bahasa bukan verbal supaya pendengar mendapat gambaran yang jelas tentang mesej yang ingin disampaikan. Dalam kajian ini, sebanyak 12.4% strategi penghampiran telah digunakan untuk menyampaikan mesej.

Sampel juga memilih strategi ini bagi perkataan yang mempunyai sebutan yang hampir sama dengan sebutan bahasa sasaran. Sampel yang lemah dalam penyebutan perkataan tertentu dalam bahasa Inggeris kerap memilih strategi ini. Contoh-contoh perkataan yang mempunyai banyak persamaan dengan perkataan sasaran adalah seperti berikut.

number of smoke

amount of smoke

disintersted

uninterested

Bukan sahaja sampel menggunakan strategi penghampiran maksud malah juga menggunakan strategi penghampiran sebutan dalam kajian ini. Berikut adalah contoh yang terdapat dalam data kajian: (Lampiran B)

Penghampiran Sebutan	Sebutan Sasaran
<i>Alright</i>	<i>All right</i>
<i>wit</i>	<i>with</i>
<i>sin</i>	<i>since</i>
<i>dragged</i>	<i>drug</i>
<i>percent</i>	<i>percentage</i>
<i>hear</i>	<i>here</i>
<i>too</i>	<i>to</i>
<i>coarse</i>	<i>course</i>
<i>whose</i>	<i>who's</i>
<i>bed</i>	<i>bad</i>
<i>past</i>	<i>passed</i>
<i>affect</i>	<i>effect</i>
<i>adsorb</i>	<i>absorb</i>

Semua penghampiran sebutan perkataan boleh mengelirukan para pendengar. Penyebutan perkataan menggunakan strategi ini kadangkala membawa maksud yang luar biasa. Namun, pendengar biasanya dapat mengagak perkataan yang ingin disampaikan itu. Ada kalanya semasa aktiviti dalam kumpulan, kesilapan sampel diperbetulkan oleh rakan dalam kumpulan. Dalam kajian ini, sebanyak 10 (12%) strategi penghampiran telah dikenal pasti.

Contohnya seperti berikut

T5UJ 5 M : *Their enemies include humans and other animals.*

T5UJ 6 M : *Animals have specific characteristics and **behavios** (**behaviour**) to protect themselves from danger and other animals .*

Dalam Tugas 1 sampel T5UJ 6 cuba meneruskan komunikasinya dengan menggunakan strategi penghampiran untuk menerangkan perkataan kelakuan. Perkataan '*behavios*' digunakan untuk perkataan '*behaviour*'. Dalam contoh di bawah perkataan yang hampir sama maksud telah digunakan oleh sampel T2UJ13 M. Perkataan '*number of smoke*' telah digunakan sebagai perkataan hampir kepada perkataan '*amount of smoke*'.

T2UJ 13 M : *you have too press the bottle. Wait and see. .. Ah can you all see a **number of smoke** coming inside.*

T2UJ 14 M : *(dengan suara yang perlahan) not a **number of smoke** but a **amount of**.*

T2UJ 15 M : *Friends, i am going to press the bottle again. see **a amount of** smoke coming inside the bottle.*

Dari kajian penyelidikan dapati penggunaan *number of smoke* bagi *amount of smoke* diguna oleh hampir kebanyakan kumpulan. Dalam kegairahan menyampaikan mesej kepada pendengar sampel-sampel didapati menggunakan sistem bahasa yang salah. Ada kejadian rakan dalam kumpulan sampel tahu istilah sebenar dan cuba untuk memperbetulkan seperti dalam contoh di atas.

Contohnya seperti bawah:

T5UJ 5 M : *Their enemies include humans and other animals.*

T5UJ 6 M : *Animals have specific **characteristics and behavios** to protect themselves from danger and harm.*

Dengan merujuk kepada transkripsi 5 Sampel UJ 6 telah menggunakan strategi penghampiran 'behaviou (behaviour)' untuk 'external features'. Sedangkan perkataan 'behaviour' dan 'character' adalah sama maksud. Bukan, semua strategi komunikasi penghampiran dalam kajian ini berjaya menyampaikan maksud sebenar. Ada yang menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pendengar seperti contoh di atas. Namun begitu, penganalisan data menunjukkan (Rajah 4.1) strategi komunikasi ini adalah di antara strategi yang paling kerap (12.4%) digunakan oleh murid.

4.2.3 Strategi Rayuan Kerjasama

Dalam kajian ini strategi rayuan kerjasama merupakan antara strategi komunikasi yang paling popular digunakan oleh sampel kajian. Dalam kajian ini, 12.3% strategi rayuan secara langsung dan 9.9% strategi rayuan secara tidak langsung telah digunakan oleh sampel.

4.2.3.1 Strategi Kerjasama Secara Langsung

Di antara dua jenis strategi rayuan kerjasama, strategi rayuan kerjasama secara langsung biasanya berakhir dengan 'perkataan yang menunjukkan pertanyaan'.

Terdapat dua sebab mengapa strategi ini dipilih oleh sampel-sampel. Sampel ingin mengetahui leksikal bahasa Inggris yang diperlukan untuk menyampaikan sesuatu mesej. Selain itu, sampel juga ingin memastikan penggunaan sesuatu leksikal bahasa Inggris betul pada konteks ayat tertentu.

Contoh seperti berikut,

UJ 7 M : () *take the::: () (dengan nada rendah) Ravi enna*

sollurathu....help pannu.....ah (Ravi apa nak cakap.... tolong saya)

UJ 8 M : ***Lighter***

UJ 9 M : ***Ahh..... lighter and bakar this..... ciglet(ciggarete) () Ravi***

aaduthu nee sollu::: help pannu.

(Seterusnya kamu jawab:::tolong)

Dalam contoh di atas, sampel UJ 7 M telah meminta pertolongan daripada rakan sebayanya yang bernama Ravi. Sampel yang merupakan dari kumpulan lemah terus meminta pertolongan dari rakannya tanpa sebarang rasa malu atau rendah diri. Semasa membuat permintaan sampel telah menggunakan bahasa ibunda. Apabila kawannya sampel UJ 8 M membantu dengan menyebut perkataan '*lighter*', sampel UJ 9 M pun menyambung komunikasinya. Perkataan-perkataan seperti '*Enna, Eppadi sollurathu*' (*apa ,bagaimana hendak beritahu*) dan sebagainya digunakan dalam ayat.

Contoh seperti berikut,

T3UJ 4 M : *We start the experiment by making hole in the in mudi oh no*

cover with this (()) (sepatutnya perkataan scissors). Put the this

*smoke stick (cigarette). Put this one (clay) to cover the hole.
we make a hole on the bottle cover dan close the bottle.*

My friend Kumaran Friends will continue.

UJ5 M : *Ah nanaa... vena ne soolu ...
(Ah, saya kena jawab... tak nak kamu cakap sahaja.....)*

UJ 6 G : *Kumaran know is your turn please continue.*

UJ 9 G : *Ok very good. If the plants and animals not reproduce what will happen
Ravi.*

UJ 10 M : *Ah ::::: teacher. (dengan suara perlahan sambil membegekan tangan
tanda tanya) Sheila Vidai enna ? Sollu :::::::
(Sheila apakah jawapan? Sebutlah::)*

UJ 11 G : *Ravi, don't ask sheila. Give your answer faster.*

Dalam contoh di atas, UJ10 telah meminta bantuan daripada rakan dalam kumpulan untuk menjawab soalan yang ditunjukkan oleh guru kepadanya. Strategi ini biasanya digunakan untuk bertanya tentang kata nama, kata kerja dan sebagainya. Semasa penggunaan strategi ini sampel didapati menggunakan bahasa Tamil digunakan untuk mendapatkan pertolongan.

4.2.3.2 Strategi Rayuan Kerjasama Secara Tidak Langsung.

Penggunaan strategi rayuan kerjasama secara tidak langsung ini adalah unik. Sampel telah menggunakan strategi pengulangan sebelum meminta pertolongan daripada para pendengar. Sampel tidak meminta pertolongan secara terus terang di hadapan rakan sebaya. Sampel telah mengulangi perkataan ataupun frasa dengan harapan akan mendapat bantuan daripada pendengar. Semua strategi kerjasama secara tidak langsung ini dibuat dalam bahasa Inggeris sahaja.

Selain itu, dalam strategi rayuan kerjasama secara tidak langsung sampel-sampel juga menggunakan teknik seperti meninggikan nada atau memanjangkan sebutan suku kata terakhir perkataan yang hadir di depan perkataan sasaran. Sampel-sampel berbuat demikian untuk menarik perhatian para pendengar supaya mereka dapat menghulurkan bantuan kepada mereka.

UJ 11 M: *Friends smoking is not good. Smoking can make you sick. () ah attack hear fever also can. like organ here, (tangan kedua-dua menunjukkan tempa buah pinggang) what we say will rosak*

UJ 12 M: *kidney*

UJ 13 M: *- ah - - - ah kidney - - - So ask your father, brother , uncle and grandfather no smoking.*

Di samping itu, semasa penggunaan strategi rayuan kerjasama secara tidak langsung sampel-sampel juga menggunakan pergerakan anggota badan seperti tangan, muka, mata dan sebagainya. Pergerakan anggota badan ini adalah isyarat kepada para pendengar untuk memberi pertolongan.

Tambahan ada pula sampel yang menggunakan strategi ini juga menggunakan jeda terisi sebagai tanda sampel tersebut menghadapi masalah komunikasi. Sampel UJ 11 M

telah meminta bantuan dengan meletakkan tangan pada pinggang untuk menunjukkan kedudukan organ tersebut.

Contoh seperti berikut,

UJ 5 M : *Animals hunted for food and some for body parts. endangered animals are elephant ,crocodiles ,seals mink and one more big animal , what is that – ah.*

UJ 6 M : *Zirafah ?*

UJ7M : *(sampel melihat rakan perbualan dengan mimik muka yang menampakkan itu bukan jawapan).*

UJ 8 M : *Is it big like rhinoceros .*

UJ 9 M : *Yes, correct rhinoceros also facing problem.*

Dalam contoh di atas sampel UJ 5 M telah meminta bantuan dengan persoalan ‘*what is that...ah.*’ Biasanya strategi rayuan kerjasama secara tidak langsung selalunya diikuti dengan nada suku kata terakhir yang memanjang pengulangan mimik muka, pergerakan anggota badan dan sebagainya.

4.2.4 Strategi Bukan Linguistik

Strategi bukan linguistik terbahagi kepada dua jenis. Bentuk pertama ialah strategi bukan linguistik yang menyertai pengujaran manakala bentuk kedua kedua adalah strategi bukan linguistik yang menggantikan pengujaran. Strategi bukan linguistik yang menyertai pengujaran lebih banyak digunakan berbanding dengan bentuk strategi bukan

linguistik yang menggantikan percakapan. Peratus penggunaan strategi bukan linguistik yang menyertai pengujaan adalah sebanyak 7.4% manakala strategi bukan linguistik yang menggantikan pengujaan adalah sebanyak 6.2% sahaja.

4.2.4.1 Strategi Bukan Linguistik Yang Menyertai Pengujaan

Hampir kesemua sampel menggunakan strategi ini apabila menghadapi masalah komunikasi. Gerak badan dan mimik muka jenis aktiviti yang di kesan semasa penggunaan strategi bukan linguistik. Jika dibandingkan gerak badan dengan mimik muka, gerak badan yang banyak diguna oleh sampel dalam kajian. Ini dapat diperhatikan dalam rakaman video .

Dalam aktiviti membuat eksperimen, sampel menggunakan gerak badan dan mimik bersama untuk menerangkan perbuatan orang akan mati (Transkripsi 1).

Contohnya seperti berikut;

UJ18 M : *Lungs cancer very bad. Inside lung become black. Lung black you sick. Oneday die (mengayakan dengan tangan dan kepala, mimik muka cara orang mati)*

UJ19M : *So friends smoking can make sick..... So no smoking ah. Damp (sambil membuat gerak tangan buang. Perkataan sebenar dumps). Then..... ah..... Thankyou teacher and my friend.*

Setelah meneliti rakaman video dan nota pemerhatian, penyelidik dapati para linguistik yang lain seperti meninggikan nada suara dan mengeraskan suara tidak digunakan langsung. Ada masa strategi bukan linguistik seperti memperlahankan suara digunakan bersama strategi rayuan kerjasama untuk mendapat bantuan.

Contoh seperti berikut

UJ 9 G : *Ok very good . If the plants and animals not reproduce what will happen*

Ravi.

UJ 10 M : *Ah ::: teacher. (dengan suara perlahan sambil membegekan tangan untuk mendapatkan jawapan) Sheila Vidai enna? Sollu :::: (Sheila apa jawapan? Beritahu:::::)*

UJ 11 G : *Ravi, don't ask sheila. Give your answer faster.*

Dalam contoh di atas sampel UJ 10 M menggunakan strategi bukan linguistik dengan strategi rayuan kerjasama secara tidak langsung untuk mendapat bantuan bagi mencapai matlamat komunikasi.

4.2.4.2 Strategi Bukan Linguistik Yang Menggantikan Pengujaran

Strategi bukan linguistik yang menggantikan pengujaran juga dikenali sebagai strategi bukan verbal. Perkataan yang tidak dapat disebut disampaikan secara para linguistik. Selain itu, sampel-sampel juga pandai menggunakan objek-objek di sekelilingi mereka semasa menjalankan tugas 1, 2 dan 3. Dalam kajian ini sebanyak 7.4% strategi ini telah digunakan oleh sampel-sampel kajian.

Contoh seperti berikut

UJ 34 M : *Teacher - - - - enaku terium (saya tahu) (menunjukkann tiga jari)*

UJ 35 G : Yes, correct. Three is the answer.

UJ 36 G : *Give your big clap (ada murid menepuk-menepuk meja perlahan-lahan (Loceng berbunyi) ok, class. Teacher will stop here. We will continue next class. Go back home and do revision. Thank you, class.*

Berdasarkan petikan di atas sampel UJ 34 telah menyatakan jawapannya dengan menunjuk tiga jari tanpa menggunakan perkataan. Sampel telah bertindak demikian kerana terlupa perkataan “three”. Ini terbukti apabila pengkaj telah bertemu ramah dengan responden ini. Sampel juga telah menerangkan bahawa beliau tidak mahu komunikasi dalam kelas tadi tergendala kerana diri beliau tidak dapat memberi jawapan secara verbal.

4.2.5 Strategi Penciptaan Perkataan Baru.

Strategi mencipta perkataan merupakan satu strategi yang kurang diminati oleh para penutur. Peratus penggunaan strategi ialah 7.4%. Sampel-sampel yang menggunakan strategi ini pada kebiasanya berhadapan dengan masalah untuk memilih leksikal yang tepat dengan maksud yang ingin di sampaikan. Selain itu sampel-sampel yang mempunyai kosa kata yang terhad memilih strategi ini semasa komunikasi Tarone (1980. Kenyataan ini telah dinyatakan oleh Tarone (1980). Perkataan baru yang dicipta ini agak hampir bunyinya dengan leksikal sebenar. Pada kebiasaanya perkataan yang dicipta itu tidak wujud dalam perbendaharaan kata bahasa Inggeris.

Contoh :

Kata yang dicipta

Kata sebenar.

burn the ciggarete

Light up the ciggaret

Fire box

Match box

Smoke stick

Ciggarete.

Contoh :

UJ 2 M : *Good morning teacher and friends. Today my group will show you all the experiment effect of smoking.*

UJ 3 M : *To the experiment we need **a fire box** (sepatutnya **match box**), cigarette, a bottle, the bottleenna solurthuena soluvaing kering ah no water inside, sticky things (clay) and sponge (cotton)*

Dalama contoh di atas sampel mencipta satu perkataan baru iaitu ‘*smoke stick*’ bagi perkataan ‘*ciggarate*’. Perkataan baru yang dicipta ini hampir sama bunyinya dengan leksikal sebenar. Namun perkataan ini tidak wujud dalam perbendaharaan kata bahasa Inggeris.

4.2.6 Terjemahan Literal

Dapatan kajian Jadual 4.1 menunjukkan sebanyak 3 (3.7%) kali terjemahan literal dilakukan oleh sampel-sampel kajian. Menurut Blum Kulka & Levenston (1983) pada kebiasannya sampel-sampel menggunakan strategi ini berfikir dalam bahasa ibunda dan berkomunikasi dalam bahasa sasaran.. Penggunaan strategi ini akan menyebabkan ujaran kelihatan ganjil dan sukar untuk difahami. Ini terbukti dalam contoh berikut:

UJ 30 M : *Teacher I know the answer. Disperse means the seeds and fruits will be away throw from **mother plant**.*

UJ 31 G : *Not **mother plant**, it is **parent plant**. Let said this is a parent plant. If the plant disperse here the seed what will happen to the seeds ?*

Dalam contoh di atas sampel UJ 30 M telah menyatakan perkataan ‘*Mother plant*’ untuk perkataan ‘*parent plant.*’ Perkataan yang dihasilkan hampir sama dari segi makna tetapi tidak wujud dalam perbendaharaan kata bahasa Inggeris.

4.2.7 Strategi Pengelakan

Dalam melakukan strategi pengelakan mesej, penutur akan berhenti di pertengahan ujaran tanpa cuba untuk membuat rayuan kerjasama untuk meneruskan komunikasi. Dalam hal sebenar, penutur akan memendekkan komunikasinya tentang sesuatu topik kerana menghadapi masalah dalam bahasa sasaran (Tarone, 1983). Sampel-sampel dalam kajian akan menggunakan strategi peninggalan mesej ini apabila mereka tidak terdaya meneruskan ujaran disebabkan pengetahuan linguistik yang mereka yang rendah. Corder (1983) dalam kajiannya menyatakan bahawa strategi peninggalan mesej ini adalah satu percubahan untuk menyampaikan mesej tetapi berakhir dengan

kegagalan. Akibatnya, ayat menjadi terbantut ataupun tergantung. Mesej yang hendak disampaikan tidak berkesampaian dan struktur ayat pula tergantung. Sampel-sampel lebih berani menggunakan strategi ini bagi mengelakkan diri dari terperangkap dalam masalah komunikasi. Dalam kajian ini didapati, strategi peninggalan mesej telah digunakan oleh sampel dalam semua tugas yang diberikan. Analisis menunjukkan strategi peninggalan mesej telah digunakan sebanyak 7 (8.6%) kali. Strategi peninggalan mesej jug adalah seperti berikut

Contoh seperti berikut:

T4UJ 8 M : *ephephant protect(diam) but cow protect itself with horns.*

How a giraffe protect its selve ?

T4UJ 9 M : *mm... (diam) I do no Pricsilla. (Senyum)*

T4UJ 10 M : *How about elephant protect it self ? You know about it ?*

Dalam situasi di atas, jelas menunjukan bahawa UJ8 pada peringkat awal begitu yakin untuk menghuraikan cara gajah mempertahankan diri. Namun ujaran tersebut berhenti dan telah cuba mengelak daripada meneruskan perbincangan. Kemudian teruskan perbincangan dengan perkara baru, iaitu cara lembu mempertahankan diri.

Perbincangan telah diteruskan oleh UJ9. Tetapi, perbincangan tersebut telah berhenti. Sampel UJ9 telah cuba mengelak daripada meneruskan perbincangan dengan menggunakan ungkapan 'saya tidak tahu' dan hanya mampu tersenyum.

Contoh seperti berikut:

TIUJ18M :*Lungs cancer very bad. Inside lung become black. Lung black you sick. One day can ((die)). (membegakan dengan tangan kepala, mimik muka cara orang mati)*

UJ19M :*So friends smooking can make sick..... So no smoking ah. Damp (sambil membuat gerak tangan buang. Perkataan sebenar (dumps). Then (diam).Thank you teacher and my friend.*

Pada peringkat awal, interaksi sampel UJ18 telah berkomunikasi dengan agak baik tentang penyakit kanser paru-paru. Kemudian, ujaran tersebut diteruskan oleh sampel UJ19. Sampel UJ19 telah meneruskan perbincangan dengan menerangkan merokok boleh menyebabkan orang sakit. Walau bagaimanapun, ujaran telah berhenti sementara dan terus berdiam untuk memikirkan maklumat seterusnya. Kemudian, ujaran diteruskan tetapi berhenti sekali lagi. Ujaran teruskan dengan ucapan terima kasih untuk menamatkan komunikasi kerana gagal untuk meneruskan komunikasi.

Contoh seperi berikut:

T7UJ9 G :*Siva why are you quiet. Which torch you thing? A or B . Why*

UJ10 M :*//(diam) torch B brighter. Why brighter ???.. bateri....long lamp. brighter*

Sampel U10 meninggalkan mesej tertentu kerana tidak tahu menyebut “many batteries.”

Selain itu, dipaksa untuk meninggalkan mesej disebabkan perampasan giliran bercakap

oleh sampel lain. Sampel yang cuba menyampaikan mesej, menghentikan percubaannya untuk menyambung kerana sampel lain telah mengambil peluangnya.

Contohnya seperti berikut:

T6UJ 26 G :What is the meaning of disperse, sita.

UJ 27 M :((*haa*)) Disperse meaning vidai Paravuthal.(penyebaran bijih benih)

UJ 28 G :Explain in English.

UJ 29 M :(/ /)

UJ 30 M :Teacher I know the answer. Disperse means the seeds and fruits will be away throw from mother plant.

Sampel UJ29 meninggalkan mesej kerana kurang pengetahuan linguistik malah arus pemikirannya terganggu akibat celaan orang lain semasa berfikir untuk mencari perkataan untuk menyambung perbualannya.

Walaupun, masalah komunikasi itu berjaya diatasi dengan usaha dan kerelaan kedua-dua pendengar dan penutur, namun masalah ini masih meninggalkan kesan negatif pada proses perbualan. Melalui kesemua tugas yang telah dijalankan, jelas menunjukkan penutur telah menggunakan strategi pengelakan sama ada bagi mengelakkan sepenuhnya perbincangan atau pun mengelai daripada perbincangan di tengah-tengah ujaran sebagai langkah untuk menamatkan komunikasinya.

4.3 Fungsi Penggunaan Sesuatu Strategi Komunikasi

Selain mengkaji jenis-jenis strategi komunikasi yang digunakan, pengkaji juga mengesan fungsi-fungsi strategi yang digunakan itu berdasarkan data kajian. Setelah penyelidik menganalisis data kajian yang diperoleh melalui rakaman dan temuramah, pengkaji berjaya mengenal pasti fungsi penggunaan pelbagai jenis strategi komunikasi.

4.3.1 Penekanan Kepada Perkara Penting

Sampel juga didapati menggunakan strategi komunikasi untuk memberi penekanan kepada sesuatu ujaran ataupun isi pelajaran. Proses penekanan kepada perkataan dilakukan dengan menggunakan strategi pengulangan.

Contohnya seperti berikut,

T1UJ 16 M : *Yes, yellow colour. Friends smoking also make our lungs like this. The ef...effect of smoking..... effect of smoking..... ah Lungs Cancer. Lung Canser can make us die. Lungs Cancer cannot breath . My friend say effect of smoking.*

UJ 17 M : *.....when we talk about the , the ef... effect of smoking, effect of smoking ah is lungs cancer, lungs cancer can makes us die. lungs cancer cannot breath , lungs cancer very bad, inside lung become black. lungs black you got lungs cancer...*

Dalam contoh di atas sampel cuba memberi penekanan bahawa merokok boleh menyebabkan kanser paru-paru. Maka sampel mengulangi ayat mengandungi frasa

“*lungs Cancer*” beberapa kali untuk menyedarkan pendengar kesan buruk merokok seperti berikut *lungs cancer can makes us die. lungs cancer cannot breath , lungs cancer very bad, inside lungs become black, Lungs cancer very bad*. Pengkaji telah bertemu ramah dengan sampel-sampel kajian untuk mengetahui tujuan membuat pengulangan perkataan.

Jadual 4.2: Tujuan Pengulangan

Tujuan	Jumlah(%)
Penegasan sesuatu perkara	40(57.1%)
Mencari idea seterusnya	23(32.9%)
Tidak ada tujuan	07(10%)
Jumlah	70(100%)

Hasil temu ramah menunjukkan 40(57%) sampel membuat penegasan kepada sesuatu perkara. 23(32.9%) pula menyatakan bahawa mereka membuat pengulangan dengan tujuan mencari idea seterusnya. Bakinya 7(10%) membuat pengulangan tanpa sebarang tujuan.

4.3.2 Kejayaan Dalam Menyampaikan Mesej

Penggunaan pelbagai strategi komunikasi membolehkan sampel berjaya dalam penyampaian mesej kepada pendengar. Jika strategi komunikasi tidak digunakan penyampaian mesej tidak akan berlaku. Misalnya contoh di bawah,

T3UJ 3 M : *To the experiment we need a fire box (sepatutnya match box),
cigarette, a bottle, the bottleenna solurthuena soluvaing
kering ah no water inside, sticky things (clay) and sponge (cotton)*

Dalam contoh di atas sampel telah menggunakan strategi penukaran kod bahasa (**kering**) dan strategi rayuan kerjasama (**.....enna solurthuena soluvinge**) untuk menerangkan bahawa botol tersebut mesti dalam keadaan kering. Sampel juga telah menggunakan strategi penghampiran untuk menerangkan **kotak mancis sebagai fire box**. Maka jelaslah bahawa penggunaan pelbagai strategi komunikasi membolehkan penutur menyampaikan mesej kepada pendengar. Ini terbukti apabila pengkaji telah bertemu ramah dengan para pendengar tentang fahaman mereka tentang apa yang disampaikan oleh sampel. Selain itu temu ramah dengan sampel-sampel kajian juga mendapati tujuan melakukan sesuatu gerak-geri, penukaran kod bahasa, rayuan kerja sama, penghampiran, penciptaan perkataan baru dan sebagainya semata-mata untuk menyampaikan mesej kepada pendengar. Kesemua sampel mengakui mereka menggunakan strategi komunikasi semata-mata untuk menyampaikan mesej kepada pendengar.

4.3.3 Dapat Melaksanakan Tanggungjawab

Pada kebisaannya murid-murid menggunakan pelbagai strategi komunikasi ketika sesi pengajaran dan pembelajaran (Amirudin Ishak, 2003). Menurut beliau murid-murid

telah menggunakan strategi komunikasi secara spontan dan tanpa disadari secara formal dalam bilik darjah walaupun mereka belum didedahkan kepada strategi komunikasi. Dengan ini murid-murid akan dapat melaksanakan tanggungjawab yang diberikan oleh guru mereka.

Murid-murid juga dapat menyampaikan mesej kepada pendengar seperti yang diminta oleh guru mereka. Walaupun penggunaan strategi komunikasi tidak berjaya mengatasi masalah komunikasi seratus peratus. Namun masalah komunikasi dapat diatasi dengan penggunaan strategi komunikasi. Dengan ini murid-murid dapat melaksanakan permintaan guru mereka seperti contoh di bawah,

T3UJ 4 M : *We start the experiment by making hole in the in mudi oh no cover with this (()) (sepaputnya perkataan scissors). Put the this smoke stick (cigarette). Put this one (clay) to cover the hole. Friends we make a hole on the bottle cover dan close the bottle. My friend Kumaran will continue.*

UJ 5 M : *Ah nanaa... vena ne soolu ... (saya tak nak...awak cakaplah)*

UJ 6 G : *Kumaran know is your turn please continue.*

UJ 7 M : () *take the::: () Ravi enna sollurathu....help pannu.....ah (Ravi apa nak cakap... tolong saya) burnin stick (lighter) and bakar this..... ciglet(ciggarete) () Ravi aaduthu nee sollu::: help pannu. (Ravi awak teruskan...awak cakaplah)*

Dalam contoh di atas guru meminta murid bernama Kumar untuk menyambung pertuturan. Walaupun pada mulanya murid tersebut tidak mahu mengambil bahagian dalam tugas yang diberikan. Namun setelah diminta oleh guru dengan tegas sampel tersebut pun melaksanakan tanggung jawab dengan menggunakan pelbagai strategi komunikasi. Sampel telah menggunakan strategi penghampiran makna dan strategi penghampiran bunyi. Perkataan **ciggrate** disebut sebagai **ciglet**. Maka jelaslah penggunaan pelbagai strategi komunikasi membolehkan murid-murid melaksanakan tanggung jawab yang diberikan oleh guru mereka.

4.4. Faktor-Faktor Penggunaan Strategi Kecekapan Dan Strategi Komunikasi.

Bagi menjawab soalan kajian 3, iaitu bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menggalakan strategi komunikasi, pengkaji telah menganalisis data yang diperolehi melalui soal selidik. Setelah pengkaji mengkaji strategi-strategi yang digunakan semasa komunikasi, penyelidik juga mengkaji faktor-faktor yang menggalakkan penggunaan strategi komunikasi. Penyelidik mendapati sikap sampel kajian, latar belakang sampel, topik yang diajar, pengaruh dari mata pelajaran lain, kebiasaan dan tindakan guru telah menjadi faktor penggalak bagi penggunaan strategi komunikasi.

4.4.1 Sikap Bermotivasi

Dalam kajian ini sikap sampel kajian menjadi faktor utama dalam penggunaan strategi komunikasi. Sikap sampel yang tidak mahu menghampakan harapan pendengar telah menjadi punca utama kepada penggunaan strategi komunikasi. Sampel tidak mahu pendengar pertuturan tergendala disebabkan oleh mereka.

Sampel tidak mahu masalah kurang pengetahuan leksikal menjadi punca utama penghalang kepada kelancaran penyampaian mesej kepada pendengar. Menurut Dornyei, (1990) motivasi diri ini menjadi faktor pemberi tenaga dan momentum kepada pelajar sehingga pembelajaran menjadi lebih efektif dan berkesan. Sampel menggunakan pelbagai strategi komunikasi semata-mata untuk menyampaikan mesej kepada pendengar.

T7UJ 12 M : *Nanan. () ...Geetha helpannu. Viadaiai ann sollu. (Kawannya
berbisik menyatakan 'many batteries')*

(Geetha tolong saya. Apakah jawapan. Beritahu)

UJ 13 G : Yoges, answer my question. Not to talk with Geetha. Faster

UJ 14 M : Many batteries..

UJ 16 G : Torch B. Because use many batteries.

Dalam contoh di atas walaupun sampel dari UJ 12M tidak tahu menyebut perkataan 'many bateris'. Namun sampel tidak meninggalkan mesej begitu sahaja. Sampel meminta rakan sebayanya untuk membantu memberi jawapan. Dengan bantuan rakannya sampel UJ 12 M berjaya menjawab soalan yang ditanya oleh guru. Dengan berbuat demikian sampel berjaya mengatasi masalah gangguan komunikasi.

4.4.2. Kekurangan Kosa Kata

Kosa kata merupakan satu lagi faktor pendorong yang dikesan dalam strategi komunikasi. Masalah kekurangan kosa kata yang sesuai, kurang tepat dan tidak

sepadan bagi menjelaskan makna semasa pembelajaran Sains menyebabkan sampel menggunakan strategi komunikasi. Misalnya,

T3UJ 2 M : Good morning teacher and friends. Today my group will show you all the experiment effect of smoking.

UJ 3 M : To the experiment we need a fire box (sepatutnya match box) ,
cigarette, a bottle, the bottle*enna solurthuena soluvaing*
apa yang dikatakan...katakan kering)
kering ah no water inside, sticky things (clay) and sponge (cotton).

UJ 4 M : We start the experiment by making hole in the in *mudi* oh no cover with this (()) (sepatutnya perkataan scissors). Put the this *smoke stick (cigarette)*. Put this one (clay) to cover the hole.
Friends we make a hole on the bottle cover dan close the bottle. My friend Kumaran will continue.

Dalam contoh di atas sampel kajian menggunakan perkataan bahas Tamil “ mudi” sebagai pengganti kepada perkataan “cover” dalam Bahasa Inggeris. Perkara yang sama juga berlaku dalam UJ 3 M, di mana sampel menggunakan perkataan bahasa Malaysia “kering”. Seterusnya perkataan “sticky things” bagi merujuk perkataan “Clay”. Sampel terpaksa bertindak begitu kerana sampel tidak dapat menggunakan kosa kata yang tepat dan sesuai semasa pembelajaran dan pengajaran Sains.

Perkara seperti di atas terjadi disebabkan sampel mengalami kesukaran untuk menggunakan kosa kata yang sesuai dalam bahasa Inggeris. Maklumat ini diperolehi melalui temu ramah dengan sampel-sampel kajian. Sampel –sampel kajian menyatakan

mereka terpaksa bercampur bahasa lain semasa bertutur dalam bahasa Inggeris disebabkan tidak tahu perkataan tersebut dalam bahasa Inggeris.

Jadual 4.3: Bahan - bacaan bahasa yang suka dibaca

Bahasa	Jumlah (%)
Bahasa Tamil	44 (62.9)
Bahasa Malaysia	16 (22.9)
Bahasa Inggeris	10 (14.3)
Lain – lain	0 (0.00)

Selain itu sampel-sampel kajian mengalami kekurangan kosa kata disebabkan kurang membaca bahan bacaan dalam bahasa Inggeris. Maklumat ini diperolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada sampel-sampel. Jadual 4.2 menggambarkan data bahan bacaan yang di baca oleh sampel. Daripada 70 Orang sampel kajian hanya 14.3% (10) orang sampel sahaja membaca bahan bacaan bahasa Inggeris. 22.9% (16) orang sampel memilih bahan bacaan bahasa Malaysia. Majoriti sampel iaitu 62.9% (44) memilih bahan bacaan Tamil.

Jadual 4.4 : Kekerapan Menggunakan Bahasa Inggeris

Kekerapaan	Jumlah (%)
Kerap	1 (1.4)
Selalu	3 (4.3)
Jarang	24 (34.3)
Apabila perlu	42 (60.0)
Jumlah	70 (100%)

Selain bahan bacaan kekerapan bertutur dalam bahasa Inggeris juga menjadi sebab kepada kekurangan kosa kata. Maklumat ini juga diperolehi daripada borang soal selidik. Hanya 1.4% (1) sampel sahaja yang kerap menggunakan bahasa Inggeris untuk bertutur dalam bahasa Inggeris. 4.3% (3) orang sampel menggunakan bahasa Inggeris selalu untuk bertutur dalam bahasa Inggeris. Manakala 34.3% (24) sampel jarang-jarang menggunakan bahasa Inggeris untuk semasa bertutur. Selebihnya sebanyak 60.0% (42) pula menggunakan bahasa Inggeris apabila perlu sahaja.

4.4.3 Paksaan Ekrinsik

Pokok perbincangan kajian ini ialah penggunaan strategi komunikasi dalam pembelajaran Sains di sekolah rendah Tamil. Maka aktiviti pengajaran dan

pembelajaran amat penting untuk kajian ini. Penglibatan guru dan murid telah menjadi salah faktor bagi penggunaan strategi komunikasi. Semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran sekiranya murid-murid tidak tahu menerangkan sesuatu perkataan, frasa atau ayat, guru tersebut tidak membiarkan mereka. Malah memaksa atau menggalakkan murid-murid untuk melaksanakan tanggung jawab mereka. Keadaan ini menyebabkan sampel untuk menggunakan strategi komunikasi.

Contohnya seperti berikut,

T3UJ 4 M : We start the experiment by making hole in the in mudi oh no
cover with this (()) (sepatutnya perkataan scissors). Put the this
smoke stick (cigarette) . Put this one (clay) to cover the hole.
Friends we make a hole on the bottle cover dan close the bottle. My friend
Kumaran will continue.

UJ 5 M : *Ah nanaa... vena ne soolu ...*

UJ 6 G : *Kumaran know is your turn please continue.*

UJ 7 M : () *take the::: ()Ravi enna sollurathu....help pannu.....ah burning
stick (lighter) and bakar this..... ciglet(cigarette) () Ravi
aaduthu nee sollu::: help pannu.*

Dalam contoh di atas guru memastikan setiap murid dalam kelas mengambil bahagian dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Guru memaksa murid tersebut supaya mengambil bahagian dalam pengajaran dan Sampel cuba untuk menerangkan sesuatu perkataan atau ayat dalam bahasa Inggeris. .

Dalam UJ 4 M sampel meminta rakan kumpulannya untuk menyambung aktiviti kumpulannya. Sampel dalam UJ 5 M meminta rakannya untuk menyambung aktiviti kumpulan. Tetapi guru dalam UJ G 6 meminta sampel untuk menyambung aktiviti kumpulan. Maka sampel melaksanakan permintaan guru. Dalam UJ 7 M sampel menggunakan strategi penghampiran maksud untuk menerangkan '*lighter*' sebagai '*burning stick*'. Strategi penghampiran bunyi untuk menerangkan '*cigarette*' sebagai '*cigle*'. Jadi jelaslah terbukti bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan guru dan murid telah faktor pendorong kepada penggunaan strategi komunikasi. Hasil temu ramah dengan guru sains didapati paksaan perlu dilakukan untuk membolehkan setiap murid mengambil bahagian dalam pembelajaran sains.

4.4.4 Kebiasaan

Hasil temu ramah dengan sampel, didapati bahawa kebiasaan telah menjadi satu faktor utama dalam penggunaan strategi komunikasi. Boleh dikatakan hampir semua sampel menggunakan strategi komunikasi di sebabkan faktor kebiasaan. Walaupun terdapat kosa kata yang sesuai tetapi disebabkan sifat kebiasaan sampel akan menggunakan strategi-strategi seperti strategi penukaran kod bahasa, strategi pengulangan, strategi tanpa ujaran dan sebagainya. Contohnya seperti di bawah,

T1U 10 M :Then we must press the bottle. We must wait untill the ciggeret
*...untill the ciggeret ... untilluntil...ah habis . My friend will tell
next .*

T1UJ 18 M :Lungs cancer very bad. Inside lung become black. Lung black you
sick. *One day can die (mengayakan dengan tangan dan kepala,
mimik muka cara orang mati)*

Perkataan “habis” dalam contoh T1U 10 M adalah perkataan bahasa Malaysia. Disebabkan sifat kebiasaan mencampuradukkan bahasa dalam pertuturan harian, maka perkataan “ habis” digunakan begitu sahaja walaupun sampel tahu proses pembelajaran adalah satu situasi formal. Begitu juga dengan penggunaan gerak badan dan mimik muka seperti dalam contoh T1 UJ 18M.

Selain itu sifat penggunaan bahasa campuran dalam perbualan harian juga telah menyebabkan penggunaan beberapa strategi semasa pembelajaran sains dalam bahasa Inggeris. Data penggunaan bahasa campuran dalam perbualan harian dengan ahli keluarga dan rakan-rakan sebaya yang diperolehi melalui borang soal selidik membuktikannya

Jadua 4.5 : Penggunaan Bahasa campuran yang digunakan semasa berbual dengan ahli keluarga dan rakan-rakan

Bahasa Campuran	Jumlah (%)
Bahasa Tamil & Bahasa Malaysia	10(14.3)
Bahasa Inggeris & Bahasa Tamil	25 (35.7)
Bahasa Inggeris & Bahasa Malaysia	10 (14.3)
Bahasa Inggeris & Bahasa Malaysia & Bahasa Tamil	25 (35.7)
Lain-lain	00(0.0)
	Jumlah 100 (100%)

Jadual 4.5 menjelaskan bahawa daripada 70 orang sampel kajian didapati 10 (14.3%) orang sampel menggunakan bahasa Tamil dan bahasa Malaysia semasa bertutur dengan ahli keluarga dan rakan sebaya. Sebanyak 25 (35.7%) orang sampel menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Tamil manakala 10 (14.3%) orang sampel menggunakan bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia semasa bertutur dengan ahli keluarga dan rakan sebaya. Selebihnya 25 orang sampel (35.7) pula menggunakan tiga bahasa semasa bertutur dengan ahli keluarga dan rakan.

4.4.5 Topik Pengajaran Yang Sukar

Topik pengajaran ataupun isi kandungan mata pelajaran Sains merupakan satu lagi faktor utama kepada penggunaan strategi komunikasi. Sekiranya topik Sains yang susah maka murid-murid lebih kerap menggunakan strategi komunikasi. Sampel kajian kerap menggunakan strategi komunikasi sekira topik yang diajar pada hari itu adalah satu topik baru, gabungan dua topik yang berlainan atau isi kandungan topik yang mengaitkan perkara-perkara dunia sebenar murid-murid. Contohnya seperti di bawah,

UJ 11 M : Friends smoking is not good. Smoking like train can make you sick.
ah attack heart, fever also can. *like organ here, (tangan kedua-dua menunjukkan bentuk buah pinggang)beans shape.. what we say.*

UJ 12 M : *kidney*

UJ 13 M : - ah - - - ah kidney - - - So ask your father, brother , uncle and grandfather
no smoking.

Dalam contoh di atas UJ 11M tidak tahu menyebut perkataan *kidney* sebab tidak biasa dengan dunia murid – murid. Murid tersebut menggunakan gerak tangan dan strategi rayuan kerja sama. Maka dengan ini jelas bahawa topik pengajaran atau isi kandungan mata pelajaran menjadi satu lagi faktor utama kepada penggunaan strategi komunikasi.

4.4.6 Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris Yang Rendah

Sistem pendidikan Malaysia yang tidak memberi keutamaan kepada bahasa Inggeris di sekolah Tamil telah menyebabkan tahap penguasaan bahasa Inggeris

yang rendah. Tiga waktu (90 minit) pengajaran bahasa Inggeris bagi tahap satu dan empat waktu pengajaran bahasa Inggeris bagi tahap dua dalam seminggu tidak berjaya memantapkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid sekolah Tamil. Tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid sekolah Tamil amat rendah sekali. Kenyataan ini terbukti apabila kita meneliti tahap pencapaian sampel kajian dalam mata pelajaran bahasa Inggeris dalam jadual 4.7 di bawah

Jadual 4.7 : Gred bahasa Inggeris yang diperolehi

Gred	Jumlah(%)
A	4 (5.7)
B	10(14.2)
C	44(62.9)
D	8(11.4)
E	4(5.7)
Jumlah	70 (100%)

Jadual 4.7 di atas menggambarkan keputusan akhir tahun sampel kajian. Daripada 70 sampel hanya 4 (5.7%) orang sampel mendapat ‘A’. 10 (14.2%) sampel kajian pula mendapat ‘B’. Manakala 44 (62.9%) sampel mendapat ‘C’. Gred ‘D’ pula sebanyak 8 (11.4%). Seterusnya gred ‘E’ pula sebanyak 4 (5.7%) orang sampel.

Keadaan ini amat menyukarkan murid-murid sekolah Tamil mempelajari Sains dalam Bahasa Inggeris. Akibatnya murid-murid Tamil menghadapi kesukaran

dalam mempelajari Sains dalam Bahasa Inggeris. Keadaan ini memaksa murid-murid menggunakan pelbagai jenis strategi komunikasi semasa pembelajaran Sains dalam bahasa Inggeris.

4.5 Kesimpulan

Dalam bab ini penyelidik telah mengkaji strategi-strategi komunikasi yang telah digunakan, kesan-kesan penggunaan strategi komunikasi serta faktor-faktor yang menyebabkan penggunaan strategi komunikasi. Pengkaji telah mengesan dua jenis strategi komunikasi utama yang digunakan iaitu strategi komunikasi pencapaian dan strategi pengelakan. Strategi komunikasi berdasarkan bahasa kedua, strategi komunikasi yang berdasarkan bahasa ibunda, strategi rayuan kerjasama dan strategi bukan verbal adalah antara strategi yang digunakan untuk tujuan menyampaikan mesej kepada pendengar. Manakala strategi pengelakan digunakan oleh sampel untuk mengatasi masalah komunikasi semata-mata dan bukan untuk menyampaikan mesej kepada pendengar. Seterusnya penyelidik juga mengesan faktor-faktor yang menyebabkan penggunaan strategi komunikasi oleh sampel. Selain itu kesan penggunaan strategi komunikasi juga telah dibincangkan secara terperinci dengan memberi contoh-contoh relevan dari data kajian.

BAB 5

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan

Dalam bab ini dapatan kajian dibincangkan. Penyelidik mengemukakan dapatan berdasarkan soalan-soalan kajian yang dikemukakan dalam Bab 1. Soalan-soalan kajian ini dijawab berpandukan penganalisan data yang telah dibincangkan dalam bab 4. Dalam bab ini, pengkaji juga telah mengemukakan cadangan kajian masa depan sebagai garisan panduan kepada pengkaji lain yang akan membuat kajian dalam bidang sosiolinguistik terutama dalam strategi komunikasi.

5.2 Perbincangan Hasil Kajian

Kajian ini telah dijalankan untuk mengkaji penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil semasa pembelajaran Sains dalam bahasa Inggeris. Pengkaji telah menggariskan beberapa panduan sebelum menjalankan kajian. Antara panduan ialah mengenal pasti strategi-strategi yang digunakan semasa kajian, fungsi-fungsi penggunaan strategi serta faktor-faktor yang menggalakkan penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan murid-murid sebuah sekolah Tamil.

5.2.1 Strategi - Strategi Yang Paling Kerap Ditemui

Kajian ini telah mengkaji jenis-jenis strategi komunikasi yang digunakan, fungsi penggunaan strategi komunikasi serta faktor-faktor yang mendorong penggunaan strategi komunikasi. Walaupun sampel-sampel kajian lemah berbahasa Inggeris namun mereka berjaya melakukan komunikasi dengan para pendengar. Bagi mencapai matlamat komunikasi, sampel-sampel kajian telah menggunakan pelbagai strategi komunikasi.

Jika kita meneliti data yang dikumpulkan, jelas memaparkan bahawa semua sampel menggunakan strategi komunikasi semasa pembelajaran sains dalam bahasa Inggeris. Mereka lebih berminat untuk menggunakan strategi pencapaian mesej daripada strategi pengelakan mesej. Strategi penukaran kod bahasa, strategi terjemahan literal, strategi deskripsi, strategi rayuan secara langsung, strategi rayuan secara tidak langsung, strategi bukan verbal menggantikan ujaran, strategi bukan verbal menyertai ujaran, strategi penghampiran, strategi mencipta perkataan dan strategi pengulangan adalah antara strategi yang tergolong dalam strategi pencapaian mesej. Sepanjang kajian didapati sampel-sampel cenderung menggunakan strategi pengulangan iaitu sebanyak 12 (14.8%) kali. Strategi rayuan secara langsung dan strategi penghampiran digunakan dalam jumlah yang sama banyak iaitu sebanyak 10 (12.4%) kali. Strategi ketiga yang paling banyak digunakan ialah strategi rayuan secara langsung. Strategi ini telah digunakan sebanyak 8(9.9%) kali. Strategi-strategi lain seperti strategi penukaran kod bahasa telah digunakan sebanyak 7 (8.6%) kali. Strategi bukan verbal menggantikan ujaran dan strategi bukan verbal menyertai ujaran masing-masing digunakan sebanyak 6 (7.4%) dan 5 (6.2%) kali. Strategi terjemahan literal kurang sekali digunakan oleh sampel. Sampel-sampel kajian telah menggunakan terjemahan

literal sebanyak 3 (3.7%) kali sahaja. Manakala strategi deskripsi pula tidak digunakan langsung oleh sampel-sampel kajian. Strategi pengelakan topik dan strategi peninggalan mesej adalah tergolong ke dalam strategi pengelakan. Strategi pengelakan topik dan strategi peninggalan mesej telah digunakan sama banyak oleh sampel-sampel kajian iaitu 7 (8.6%) kali.

5.2.2 Fungsi-Fungsi Penggunaan Strategi Komunikasi

Melalui kajian ini pengkaji telah mendapati strategi-strategi komunikasi telah digunakan oleh sampel-sampel kajian bagi tiga fungsi utama dalam komunikasi mereka. Fungsi-fungsi tersebut adalah untuk memberi (i) memberi penekanan kepada perkara penting, (ii) mencapai kejayaan dalam menyampaikan mesej dan (iii) melaksanakan tanggungjawab yang diberikan

Sikap pelajar-pelajar menggunakan strategi pencapaian semasa menghadapi masalah komunikasi jelas menggambarkan sikap positif dan kegigihan mereka dalam usaha menyampaikan maklumat kepada para pendengar. Sikap positif amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini telah dijelaskan oleh Naiman dan rakan-rakan (1978) dalam kajian mereka. Menurut mereka mengamalkan sikap positif semasa komunikasi adalah satu syarat utama dalam proses pembelajaran dan mesti diberi galakan.

Dalam kajian ini pengkaji mendapati sikap sampel-sampel yang ingin menggunakan strategi komunikasi dalam menyampaikan maklumat menunjukkan sikap tanggung jawab yang ada pada pelajar-pelajar tersebut. Selain itu, pemilihan strategi yang paling tepat mengikut kehendak situasi komunikasi juga menunjukkan sikap pelajar ingin

menyampaikan mesej dengan tepat. Ada masa sampel-sampel meminta pertolongan daripada rakan-rakan sekiranya mereka tidak dapat menyelesaikan masalah komunikasi. Jenis strategi komunikasi yang digunakan oleh sampel menggambarkan tahap kecekapan dan latar pendidikan bahasa Inggeris sampel. Kenyataan ini telah dibuktikan oleh Suzana Ismail (2004) dalam kajiannya yang bertajuk *Communication Strategies In Japan Language Interaction Among Malaya Student at University of Malaya*. Terdapat juga sampel-sampel yang menggunakan strategi komunikasi bukan verbal dengan banyak. Strategi bukan verbal berperanan sebagai bantuan kecemasan bagi sampel yang menghadapi masalah kekurangan leksikal bahasa Inggeris. Antara strategi bukan verbal yang popular digunakan ialah isyarat, pergerakan tangan, mata, kening dan mimik muka.

Selain itu, melalui kajian juga pengkaji mendapati sampel-sampel menggunakan strategi komunikasi untuk memberi penekanan kepada perkara penting yang ingin disampaikan. Strategi pengulangan digunakan oleh sampel kajian untuk memberi penekanan kepada perkara penting yang ingin disampaikan. Data kajian menunjukkan strategi pengulangan yang banyak sekali digunakan dalam kajian. 12 (14.8%) kali strategi pengulangan telah digunakan. Pengkaji juga telah menemu ramah sampel-sampel kajian untuk mengetahui tujuan penggunaan strategi pengulangan. Hasil temu ramah didapati 40 (57.1%) (Jadual 4.2) telah menyatakan bahawa mereka menggunakan strategi pengulangan semata-mata untuk memberi penekanan kepada perkara penting kepada pendengar.

Di samping itu, strategi komunikasi juga telah digunakan untuk memastikan mesej disampaikan kepada pendengar. Kesmua strategi pencapaian mesej digunakan oleh

sampel semata-mata untuk menyampaikan mesej kepada pendengar. Sembilan daripada sepuluh jenis strategi telah digunakan oleh sampel-sampel kajian semata-mata untuk menyampaikan mesej kepada pendengar. Jadual 4.1 juga menggambarkan 82.8% strategi yang digunakan adalah strategi pencapaian mesej dalam komunikasi. Hasil temu ramah dengan sampel-sampel kajian menunjukkan bahawa mereka menggunakan strategi pencapaian dalam komunikasi mereka semata-mata untuk menyampaikan mesej kepada pendengar. Dengan ini masalah komunikasi dapat diatasi. Dengan ini perhubungan dua hala antara pendengar dan penutur dapat dipelihara. Ini telah dibuktikan lagi oleh Haliza Omar, (2003) dalam kajiannya di mana sampel kajian telah menggunakan strategi komunikasi dengan meluas dalam usaha memastikan komunikasi mereka berjaya.

5.2.3 Faktor-faktor Penggunaan Strategi Komunikasi

Seseorang pelajar tidak dipengaruhi oleh satu faktor pada satu masa bagi pemilihan sesuatu strategi komunikasi. Pemilihan sesuatu strategi komunikasi pada satu-satu masa biasanya dipengaruhi oleh beberapa faktor. Hal ini yang diketengahkan oleh Abd Halim (2009) dalam kajiannya. Menurut beliau banyak faktor mempengaruhi pemilihan sesuatu strategi komunikasi. Kehadiran beberapa faktor ini menyebabkan bukan satu strategi komunikasi sahaja dipakai pada sesuatu masa malah beberapa strategi komunikasi diguna secara kombinasi pada satu-satu masa.

Dalam kajian ini pengkaji dapati sikap bermotivasi yang ada dalam diri murid telah menjadi pendorong kepada murid-murid untuk menggunakan strategi komunikasi semasa pembelajaran sains dalam bahasa Inggeris. Ini selari dengan pendapat Oxford & Nyikos, (1989). Menurut mereka motivasi merupakan faktor yang paling berkuasa

dalam mempengaruhi penggunaan strategi komunikasi berbanding pemboleh ubah yang lain. Dalam kajian ini juga pengkaji mendapati sampel-sampel kajian telah memilih strategi pencapaian mesej dengan maksimum berbanding strategi pengelakan mesej. Sebanyak 82.8% strategi pencapaian mesej telah dipilih berbanding dengan strategi pengelakan mesej yang hanya 17.2% sahaja. Penggunaan strategi pencapaian mesej yang maksimum menunjukkan sampel-sampel mempunyai sikap motivasi yang tinggi untuk memyampaikan mesej kepada pendengar.

Kajian ini juga buktikan bahawa sifat kebiasaan mencampuradukan bahasa oleh sampel-menjadi salah satu faktor untuk menggunakan strategi komunikasi pencapaian. Kebiasaan menggunakan bahasa lain semasa pertuturan harian untuk merujuk sesuatu benda mahupun seseorang terikut-ikut semasa pembelajaran sains. Ini turut disokong oleh Arfah (1981). Dalam kajiannya di mana komunikasi seseorang pelajar dalam kelas dipengaruhi oleh tabiat penggunaan bahasa di luar kelas. Daripada rakaman yang dibuat didapati kebanyakan sampel menggunakan strategi komunikasi disebabkan faktor sifat kebiasaan. Kebanyakan sampel menggunakan strategi komunikasi ini tanpa disedari. Walaupun terdapat kosa kata yang sesuai tetapi disebabkan sifat kebiasaan sampel akan menggunakan strategi pencapaian seperti strategi penukaran kod bahasa, strategi pengulangan, strategi tanpa ujaran dan sebagainya.

Selain itu, isi kandungan pelajaran juga merupakan satu faktor utama kepada penggunaan strategi komunikasi. Kajian yang dilakukan oleh Aiello-Nicosia, Spereando-Mineo dan Valenza (1984) juga menyatakan bahawa isi kandungan mata pelajaran Sains berhubung kait dengan pencapaian murid. Pengkaji mendapati sekiranya topik yang diajar sukar untuk difahami maka murid-murid suka

menggunakan strategi komunikasi. Pengajaran topik baru, gabungan dua topik, topik yang mengaitkan perkara sebenar murid- murid juga menjadi punca kepada penggunaan strategi komunikasi. Ini turut disokong oleh Koh Chee Kiat (2000), tanpa komunikasi dua hala, sesi pengajaran dan pembelajaran tidak mungkin berjaya dan berkesan. Kebanyakan murid-murid berdiam diri sekiranya isi kandungan sukar untuk difaham.

Pengkaji juga mendapati latar belakang penggunaan bahasa sampel juga menjadi salah satu faktor utama dalam penggunaan strategi komunikasi. Murid-murid yang berasal dari keluarga ibu bapa kurang pendidikan tidak berpeluang untuk bercakap dalam bahasa kedua. Situasi sebegini menyebabkan murid-murid tidak fasih berbahasa Inggeris. Selain itu, pencampuran beberapa bahasa semasa bertutur di rumah telah menyebabkan sampel-sampel kajian terikut-ikut sikap itu di sekolah. Hal ini telah dikemukakan oleh Hajah Aminah bt Hj mahmud (1996). Dalam kajiannya beliau mendapati strategi komunikasi yang digunakan mempunyai hubungan kait dengan latar belakang bahasa.

Tahap penguasaan bahasa Inggeris yang rendah disebabkan latar belakang keluarga, waktu pengajaran bahasa Inggeris yang terhad di sekolah, telah menjadi salah satu faktor kepada penggunaan strategi komunikasi oleh sampel kajian. Tiga waktu pengajaran seminggu bagi tahap satu dan empat waktu pengajaran bagi tahap kedua tidak memantapkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid sekolah Tamil. Keadaan ini amat menyukarkan murid-murid sekolah Tamil mempelajari Sains dalam bahasa Inggeris. Menurut Abdul Aziz (2002) kegagalan pelajar dalam menguasai bahasa Inggeris memungkinkan murid-murid bukan sahaja gagal dalam bahasa kedua tersebut, malah turut sama gagal dalam mata

pelajaran Sains. Lantaran murid-murid menggunakan pelbagai strategi komunikasi semasa mempelajari Sains dalam Bahasa Inggeris.

Melalui kajian ini juga didapati kelemahan penguasaan kosa kata bahasa Inggeris merupakan satu lagi faktor pendorong kepada penggunaan strategi komunikasi. Masalah kekurangan kosa kata bahasa Inggeris yang sesuai berkaitan dengan bidang sains menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran sains dalam bahasa Inggeris. Kesukaran untuk menerangkan sesuatu perkataan dengan kosa kata yang sesuai dan tepat menyebabkan sampel-sampel untuk menggunakan pelbagai strategi komunikasi.

Kajian ini juga dapati faktor paksaan ekstrinsik oleh guru semasa pengajaran dan pembelajaran juga telah menyebabkan murid-murid menggunakan strategi komunikasi. Semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru tidak membiarkan murid-murid begitu sahaja sekiranya murid-murid tidak menjawab atau mengambil bahagian dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru memaksa murid-murid untuk menjawab ataupun mengambil bahagian dalam proses pembelajaran. Akibatnya murid-murid menggunakan strategi komunikasi untuk melaksanakan tanggungjawab mereka. Perkara ini disokong oleh Robiah (1997). Menurut beliau faktor pengajaran guru sangat memberikan kesan kepada corak pembelajaran dan penglibatan pelajaran.

5.3 Cadangan Kajian Masa Depan

Bidang sosiolinguistik bagaikan sebuah lautan yang luas. Strategi komunikasi juga tergolong ke dalam bidang ini. Ramai pengkaji bahasa telah menceburi bidang ini dan mempertikaian tentang pelbagai strategi komunikasi. Di masa akan datang, kajian dalam bidang ini harus diteruskan. Ini disebabkan keputusan dan hasil kajian ini boleh dikatakan terhad sahaja. Kajian yang dilakukan itu terhad kepada satu kumpulan kecil pelajar dari sebuah sekolah Tamil sahaja. Oleh itu, adalah disyorkan agar lebih banyak penyelidikan dijalankan pada masa depan bagi meningkatkan mutu hasil kajian ini.

Kajian masa depan dapat dilakukan dengan menggunakan sampel kajian yang agak ramai. Sampel kajian yang ramai boleh memberi penemuan hasil kajian yang menyeluruh. Maka, pengkaji masa depan harus menjalankan kajian ini di beberapa buah sekolah. Sekolah-sekolah tersebut juga harus dipilih dari beberapa kawasan. Ini disebabkan faktor sosioekonomi yang berbeza akan memberi kesan kepada penggunaan strategi komunikasi. Selain itu, pengkaji juga boleh membuat kajian terhadap faktor-faktor yang menggalakkan penggunaan strategi komunikasi dalam situasi formal dan tidak formal.

Di samping itu kajian masa depan juga boleh dijalankan dengan membuat perbandingan penggunaan strategi komunikasi mengikut jantina dan kaum. Sampel-sampel juga harus dipilih dari beberapa buah sekolah. Kajian sebegini akan memberi dapatan kajian yang tepat. Diharapkan juga kajian serupa dijalankan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran lain. Agak baik juga sekiranya kajian masa depan dilakukan dalam bidang-bidang lain seperti media massa, sains sosial, perniagaan dan sebagainya. Dengan demikian kajian-

kajian tersebut akan memberi satu gambaran yang jelas tentang penggunaan strategi komunikasi. Kajian ke atas pelbagai bidang pasti akan memberi satu gambaran yang jelas tentang penggunaan strategi komunikasi bagi penyampaian maklumat dengan tepat dan berkesan.

5.4 Kesimpulan

Dalam bidang bahasa strategi komunikasi adalah satu bahagian amat penting dan perlu diberi perhatian khusus. Pelbagai usaha dan langkah harus diambil untuk meluaskan bidang strategi komunikasi demi kebaikan para pengguna bahasa. Dalam konteks Malaysia yang mempunyai masyarakat pelbagai etnik ini, usaha yang berterusan perlulah dilakukan untuk memelihara dan memperkukuh strategi komunikasi demi perkembang pelbagai jenis bahasa. Lebih banyak kajian perlu dilakukan dalam bidang strategi komunikasi ini.

RUJUKAN

Abu Zahari Abu Bakar. (1980). *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.

Abdul Rahman bin Abdullah. (2009). *Kompetensi Komunikasi Dan Strategi komunikasi*. Tesis untuk Ijazah Doktor Falsafah Dalam Pendidikan Universiti Malaya.

Ab. Halim Mohamad. (2009). Tahap *Komunikasi dalam Bahasa arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia*. Journal of Islamic and Arabic education 1(1).

Abdul Aziz Ibrahim (2002). *Penggunaan ABM Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda

Abdul Razaq Ahmad dan Andi Suwirta. (2007). *Sejarah dan Pendidikan : Perspektif Malaysia Dan Indonesia*. Bandung: Historia Utama Press. Abdul Ghani Abu. (2008). Sejarah Masih Relevan, Utusan Malaysia: 14

Ahmad Fauzi bin Mohamed, (1997). *Pendemokrasian Pendidikan: Suatu Pentafsiran Serta Pelaksanaannya Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia*

Aiello-Nicosi, M.L, sperando, R.M, & Valenza M.A. (1984). *The Relationship Between Science Proses Abilities Of Teacher And Science Achievement Of Students An Experimental Study*. Journals Of Research In Science Teaching

Aminah Haji Mahmud, (1993). *Satu Kajian Mengenai Penggunaan Strategi Komunikasi Di Kalangan Pelajar Bahasa Kedua*. Tugas TM .

Aminah Mahmud. (1996). *Strategi Komunikasi Pelajar-Pelajar Dalam Pertuturan Bahasa Inggeris*. Disertasi untuk Sarjana Pengajian Bahasa moden (belum diterbitkan) Universiti Malaya.

Amilrudin Isyak. (2003). *Strategi Komunikasi Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Melayu*. Disertasi untuk Sarjana Pengajian Bbahasa moden (belum diterbitkan) Universiti Malaya.

Ang Lay Hoon, (1992). *Strategi Komunikasi Orang-Orang Cina dalam Bahasa Malaysia*. Tesis untuk Sarjana Pengajian Bahasa moden (belum diterbitkan) Universiti Malaya.

Amiruldin ishak, (2003). *Strategi Komunikasi bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya

Arbak Othman M. A., (1983). *Permula Ilmu Linguistik*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.

Asmah Haji Omar, (1976). *The Teaching of Bahasa Malaysia in the Context of National Language Planning*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka.

Asmah Haji Omar, (1982). *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka

Augustin. J.J. , (1971). ' *Native Language Interference and Its Implications in English Language in Teaching Nasional Schools*. ' The Bulletin of the Selangor English Language Teaching Assiociation. Vol. 2/6. m.s. 4-5.

Awang Had Salleh dan Abdul Razak Abu, (1982). *Teman Pelajar Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Bialystok, E and Frochlich, M (1980). ' *Oral Communication Strategies for lexical difficulties*'. Interlanguage Studies Bulletin 5 m/s 3-30.

Bialystok E. , (1978). ' *A Theoretical Model of Scond Language Learning*'. A Language Learning . vol 28. m.s. 69-83.

Bialystok, E (1983). *Some factors in the selection and implementation of communication strategies*. Dlm. C. Faerch dan Kasper (pnyt.). *Strategies in interlanguage communication* (hlm. 100 – 118). London: Longman.

Bialystok, E.(1990). *Communication strategies : A Psychological analysis of second language use*. London: Blackwell.

Blum Kulka, S dan Levenston, E. A. ,(1983). '*Universals of Lexical Simplification*' dalam *Strategies in Interlanguage Papers In Second Language Acquisition*. Disunting oleh H. D Brown. m.s. 135-140Corder,S.P.,1973. *Introducing Applied Linguistics*. Harmondsworth: Penguin. m.s. 256-294

Carroll, John B. , (1977). "*Characteristics of Successful Second Language Learners*", dalam Burt, Marina, Dulay, Heidi dan Finocchiaro, Mary [ed] . *Viewpoints on English as a Second Language*. New York : Regents. m. s. 1-7.
Caroline Maria Choo. (1988). *A Descriptive Study Employed By some Preschool Children* Tesis untuk Sarjana Pengajian Bahasa moden (belum diterbitkan)
Universiti Malaya.

Corder, S. P. (1983). *Strategies Of Communication dalam G. Faerch and G. Kasper* (Ed) *strategies in interlanguage communication* hlm (210 – 238) London, Longman

Crystal, D. , (1985). *A Dictionary of Linguistics and Phonetic*. Oxford : Basil Blackwell

Dechert, H. W. (1983) '*How a story is done in a second language*'. *Dalam Strategies In Interlanguage Communication*. Diedit oleh Faerrch dan Kasper. London: Longman. m/s 175-196

Dornyei, Z. (1990) *Conceptualizing motivation foreign-language learning*. *Language Learning*

Ellis, H.W. ,(1984) "*Communication Strategies and the Evaluation of Communicative Performance*". " *ELT Journal*. Vol. 38/1. m. s. 39-44.

Faerch, C. dan Kasper, G. , (1983). *Strategies in Interlanguage Communication* .
London : Longman.

Fakhir, A. (1984). *The Use of communication strategies in narrative discourse: A case study of learners of Moroccan Arabic as a second language*. Language Learning.

Fearch, C & Kasper, G. (1939). *Plans and strategies in foreign language communication*. Dlm C.Faerch & G.Kasper, (pnyt.). *Strategies interlanguage communication* (hlm. 20 -60). London: Longman.

Haastrap K. dan Phillipson, R. (1983. , “*Achievement Strategies In Learner Native Speaker Interaction* . dalam *Strategies in Interlanguage Communication*.
Disunting oleh Faerch dan Kasper. London : Longman m. s. 140-158

Harimurti Kridalaksana, (1983). *Kamus Linguistik* Jakarta: Gramedia.

Hatch, Evelyn, (1978). “*Discourse Analysis and Second Language* Newbery House .
m.s. 401-435.

Hassan Al. (1996). *Mendidik Anak Pintar Cerdas*. Kuala Lumpur : Utasan Publication
And distributors Sdn.bhd

Haliza Omar, (2003). *Communication strategies in a job interview*. Tesis Sarjana.
Universiti Malaya

Heaton , J.B , (1975). *Beginning Composition Through Pictures*. London: Longman.
Acquisition : A Book of Readings, Rowley, Massachutts :

Hudson, R.A. (1980). *Sociolinguistics* New York: Cambridge University Press.

Holmes, J. (2001). *An Introduction to Sociolinguistics*. United Kingdom: Pearson
Ltd. Education.

- Jacobson , Rodolfo , (1992). *Penyatuan dan Kontras dalam Alternasi antara dua Bahasa yang Berbeza dari Segi Genetik : Penukaran kod bahasa Melay-Inggeris* ”. Jurnal Dewan Bahasa Mei 1993. m.s. 399-427
- Jamaliah Mohd . Ali, (1995). *Malaysian Student Seminar : A Study of Pragmatic Features in Verbal Interactions* . Tesis untuk ph . D . [tidak diterbitkan] Universiti Malaya .
- Jordens, P. , (1977). ‘*Rules, Grammatical Institutions and Strategies in Foreign Language Learning* ’. Interlanguage Studies Bulletin Utrecht. Vol . 2 / 1. m. s . 58 -145 .
- Janakeyraman Manickam. (2006). *The Malaysian Indian Dilemma*. Penerbit: Ashwin Trading Kuala Lumpur
- Kamus Linguistik (1997). *Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Kellerman, Eric , (1977). “*Towards a characterization of the strategy of transfer of in secon language learning.*” Interlanguage studies Bulletins Utrecht. Vol . 2/1. m.s. 58-145.
- Klaus, G. dan Buhr, M. (eds.), (1976). *Philosophisches Wörterbuch*. Leipzig: VEB bibliographisches Institut.
- Koh Chee Kiat (2000). *Mengatasi Masalah komunikasi Dengan Pelajar Sains*. SMK Kerian
- Krashen, Stephen D. ,(1987). *Scond Language Acquisition And Second Language Learning*. Oxford : Pergamon Press
- Ma ‘Sum Mohammad. (2012). *Strategi Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Di Jakarta* University Of Malaya Disertasi untuk Sarjana Pengajian Bahasa moden (belum diterbitkan) Universiti Malaya.

Murasu Nedumaran. (1997). *Malaysia Tami Kavithai Kalanjiam 1887-1987*. (An Anthology of Malaysian Tamil Poetry). Klang : Arulmathiyam Publication.

Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid (1996) *Tatabahasa dewan edisi baharu*. Kuala Lumpur. Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji dan Abdul Musa dan Abdul Hamid (2008). *Tatabahasa dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noriah bt. Mohamed, (1987). *Strategi Komunikasi Pelajar- Pelajar Iban Ketika Berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia*. Tesis untuk Sarjana Pengajian Bahasa Moden. (Tidak diterbitkan) Universiti Malaya.

Noor Aina Dani.(1998). *Pengaruh Bahasa Ibunda Dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Di Kalangan Pelajar Dusun*. Dewan Budaya

Ong Kin Suan. (1990) “A Study of Code Switching Among Biligual Malaya student In Urban Secondray School Tesis untuk Sarjana Pengajian Bahasa moden (tidak diterbitkan) Universiti Malaya.

Oxford, R. L. dan Nyikos, M (1989) Variables affecting choice of language learning strategies by university students. *Modern Language Journal*

Paribakht, T. , (1985). “*Strategie Competence and Language Proficiency*” *Applied Linguistics*, Vol. 6/2 m.s. 132—146.

Pelan Induk Sekolah – Sekolah Tamil Abad ke -21 tahun (2001). Penerbitan: Yayasan Strategi Sosial kuala Lumpur.

Penyata Jawatankuasa Penyemak Dasar Pelajaran (1960).

Profesor Emeritus Dato’ Isahak Haron & rakan-rakan, (2008) *Kesan Dasar Pengajaran Matemarik dan Sains Dalam Bahasa Inggeris di Sekolah Rendah*.

Quirk , Randolph , (1972) . *A Grammar of Contemporary English*. Essex:
Longman.

Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd. Dain , (1985) *Ilmu Fonetik*. Petaling Jaya
: Agensi Penerbitan Nusantara.

Raupach, M., (1983) “ *Analysis and Evaluation of Communication Strategies in
Interlanguage Communication* . Disunting oleh Faerch dan Kasper.
London : Longman . m.s. 199 - 209

Richards , J. C. (1974). *Error Analysis: Perspectives in Second Language
Acquisition*. United Kingdom: Longman.

Richards, J. C. and Simpson G. P. , (1974). “*The Study of Learner English*”
dalam *Error Analysis* . Disunting oleh J. C. Richards. London : Longman . m.s. 3-
18.

Rubin, J . , (1975)“ *What the Good Language Learner Can Teach Us*”.
TESOL Quarterly 9. m.s. 41 -51

Rohani Ibrahim. (1990). *How Do They Communicate? A Comparative Study Of The
Communication Strategies In English Of Some Malaysian & British University
Undergraduates* Tesis untuk Ph. Dnya Pengajian Bahasa moden (tidak
diterbitkan) Universiti Malaya.

Selinker L. (1972). ‘*Interlanguage*’ , International Review of Applied
Linguistics, 10, m.s. 41 – 51.

Suzana Ismail. (2004). “*Strategies In Japan Language Interaction Among Malaya
Student At University Of Malaya* Tesis untuk Sarjana Pengajian Bahasa moden
(tidak diterbitkan) Universiti Malaya.

Taylor , Barry P. , (1975). "*The Use of Overgeneralization and Transfer Learning Strategies by Elementary and Intermediate Student of ESL*", Language Learning, 25 . m.s. 73 – 107.

Tarone , E.(1980). *Communication Strategies, foreigner talk and repair in interlanguage.* Language Studies. 30, 417 – 413.

Tarone E. , (1977). "*Conscious Communication Strategies in Interlanguage.*"

TESOL (1977): Teaching and Learning English as a Second Language - Trends in Research and Practice. m.s. 194 – 203

Tarone, E. , Andrew D. Cohen, and Guy Dumas , (1983). "*A Closer Look at Some Interlanguage Terminology : A Framework for Communicatio Strategies*" dalam Strategies in Interlanguage Communication. Disunting oleh Faerch dan Kasper . London : longman m.s. 4 - 14

Tarone, E (1981) *some thought on the nation of communicatio strategy* . TESOL Quarterly 15 , 285 – 295.

Teo Ai Chinn.(2001). *Sociolinguistik.* (Nota Kuliah HMT 228/3.2001/2001). Singapore and Malaysia. Hong Kong : Eastern Universities Press.

Umminajah Hj. Salleh , (1989). *A Study on the Difficulties Faced by Malaysian Students in the Leraning of English as a Second Language and Their Attitude Towards the Language.* Tesis untuk " Degree of Master of Philosophy in Modern English Language".

Vardi , T. ,(1983). "*Strategies of Target Language Learner Communication : Message Adjustment*" International Review of Applied linguistics. Vol. 18. m.s. 59 -71

Wagnet, Johannes , (1983). "*Dann du tagen einneeee - weisse Platte –An analysis of interlanguage communication in instruction*" dalam Strategies in

Interlanguage Communication. Disunting oleh Faerch dan Kasper. London : Longman . m.s. 159 -174

Vengadesan, P.S. (1995). *Tamil Pallihalin Nilai: Andru, Indru, Naalai*. Eighth International Confrence Seminar of Tamil Studies. Kuala Lumpur.

Vikneshwary Manooaran. (2012.) *Strategi Kesopanan Dalam Komunikasi Di Tempat Kerja* University Of Malaya disertasi untuk Sarjana Pengajian Bahasa moden (tidak diterbitkan) Universiti Malaya.

Wong , Francis H. K. dan Ee Tiang Hong, (1975). *Education in Malaysia*. Hong Kong : Heinemann Educational Books.

Wong Khek Seng. (1987). *Bahasa Campuran di Kalangan Mahasiswa* Universiti Malaya. Dewan Bahasa. Jilid 38 Bil. 8 (Ogos) (1994.)

Wong Khek Seng , (1983). "*Penukaran Kod Dalam Perbualan*". Jurnal Dewan Bahasa, Disember 1991. m.s. 1052 – 1060.

Yalden , Janice, (1983). *The Communication Syllabus - Evolution, Design and Implementation* . England : Pergamon Press.

Zarima Mohd, Zakaria & Taj Rijal Muhd. Ramli. (2008). *Sejarah perkembangan program minor bahasa Arab di Fakluti Bahasa UPSI*. Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusateraan Arab di Institut Pengajian Malaysia. Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam FPI UKM

LAMPIRAN A Borang Soal Selidik

Arahan

Sila baca setiap soalan dengan teliti. Tandakan (/) dalam kotak yang berkaitan sahaja. Bagi soalan yang memerlukan huraian, sila tuliskan jawapan dengan jelas.

Bahagian A

1. Jantina : () Lelaki () Perempuan
2. Bangsa : () India () Lain –lain :
(Sila nyatakan)
3. Tempat Lahir : (a) Bandar
(b) Negeri
4. Perkerjaan : (a) Bapa
(b) Ibu
5. Tempat Tinggal : () Rumah Teras
() Rumah Pangsa
() Rumah Setinggalan
6. Tadika : Nama Tadika
7. Jenis Tadika : () Kerajaan
() Swasta
8. Bahasa Ibunda : _____

Bahagian B

9. Tahap penguasaan bahasa. Tandakan (/) dipetak yang berkenaan.

Bahasa		Bahasa Malaysia			Bahasa Inggeris			Bahasa Tamil			Lain- lain		
Bil	Tahap Bahasa	L	S	B	L	S	B	L	S	B	L	S	B
1	Lisan												
2	Pemahaman												
3	Penulisan												

L - Lemah

S- Sederhana

B - Baik

10. Gred Bahasa Inggeris diperolehi dalam peperiksaan akhir tahun semasa tahun

lima.

() Gred A

() Gred B

() Gred C

() Gred D

() Gred E

11. Sudah berapa lama anda belajar Bahasa Inggeris ?

() kurang 6 Tahun () Lebih 6 tahun

12. Adakah anda rasa pembelajaran Bahasa Inggeris itu penting?

() Ya () Tidak

(Kalau 'ya' sila tanda kotak kotak berkenaan)

Saya rasa pembelajaran Bahasa Inggeris itu penting kerana: Pilih satu tujuan yang paling tepat.

- banyak buku rujukan dalam Bahasa Inggeris.
- senang untuk mendapat perkerjaan
- saya ingin melanjutkan pelajaran ke luar negeri
- saya mungkin menggunakan di tempat-tempat awam.
- saya akan dipandang tinggi

13. Apakah cara yang anda gunakan untuk mengatasi masalah yang anda hadapi?

- bertanya kepada guru
- membaca buku berkenaan
- berbincang dengan rakan
- tidak ambil kisah

14. Dalam penggunaan Bahasa Inggeris yang manakah anda fikir yang paling penting dalam kehidupan seharian.

(1 = paling penting, 2 = penting, 3 = kurang penting, 4 = tidak penting)

Mendengar dan bertutur	<u>1</u>	<u>2</u>	<u>3</u>	<u>4</u>
Membaca	<u>1</u>	<u>2</u>	<u>3</u>	<u>4</u>
Menulis	<u>1</u>	<u>2</u>	<u>3</u>	<u>4</u>

15. Kekerapan anda bertutur dalam Bahasa Inggeris

- kerap
- selalu
- jarang-jarang
- apabila perlu

16. Bahasa apakah yang ahli keluarga anda gunakan untuk bercakap dengan anda?

Bahasa Tamil Bahasa Inggeris Bahasa Malaysia

Selain daripada bahasa di beri .Sila nyatakan:_____

(b) Dengan rakan

Bahasa Tamil Bahasa Inggeris Bahasa Malaysia

() Selain daripada bahasa di beri .Sila nyatakan: _____

17. Bahasa yang anda kerap digunakan secara selang seli (Bahasa campuran) dalam perbualan anda?

Bahasa Tamil - Bahasa Melayu () Bahasa Tamil - Bahasa Inggeris ()

Bahasa Inggeris – Bahasa Tamil () Bahasa Inggeris- Bahasa Melayu ()

Bahas Tamil - Bahasa bahasa lain. Nyatakan :_____

18. Adakah anda suka mempelajari Sains dalam Bahasa Inggeris?

Ya () Tidak ()

19. Nyatakan masalah yang anda hadapi semasa mempelajari Sains dalam bahasa Inggeris

20. Apakah anda buat sebelum bercakap dalam Bahasa Inggeris?

() fikir dahulu dalam bahasa ibunda dan kemudian terjemah

() terus bercakap dalam Bahasa Inggeris.

21. Keadaan anda apabila bercakap dalam Bahasa Inggeris?

() fasih

() kurang fasih

() sukar hendak menyampaikan maksud

() selalu tersalah sebut

22. Sekiranya mengalami kesukaran untuk menyampaikan maksud dalam Bahasa Inggeris saya,

() mengambil masa untuk berfikir

() meminta pertolongan daripada pendengar

() menggunakan bahasa isyarat

-) tukar kepada topik lain
23. Pada pendapat anda apakah reaksi pendengar apabila anda bercakap dalam Bahasa Inggeris
-) boleh faham dengan senang
-) tidak faham
-) dapat memahami selepas mereka maksud anda
-) menolong membetulkan anda
24. Bahan bacaan bahasa apakah yang anda suka baca
- Bahasa Inggeris)
- Bahasa Melayu)
- Bahasa Inggeris)
- Lain-lain)
25. Program Bahasa apakah yang anda suka lihat di TV(Boleh tanda lebih daripada satu)
-) Bahasa Tamil
-) Bahasa Inggeris
-) Bahasa Malaysia
26. Apakah tindakan anda sekiranya mengalami kesukaran dalam menyampaikan maksud dalam Bahasa Inggeris, saya
-) mengambil masa untuk berfikir
-) memohon bantuan daripada pendengar
-) menukarkan kepada topik lain
-) menggunakan bahasa isyarat

